

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perniagaan merupakan suatu aktiviti dikalangan manusia bagi membolehkan manusia meraikan keperluan-keperluan hidupnya. Keperluan hidup ini semestinya merangkumi keperluan-keperluan asasi manusia yang merentasi tahap *darūrah*, *ḥājah* dan *taḥsīniyyah*.¹ Bilamana keperluan-keperluan tersebut dapat terpenuhi, maka barulah pembangunan di sebuah tempat/kawasan akan berjalan dengan baik.

Dalam membangun sesebuah masyarakat, Islam mempunyai pendekatannya yang tersendiri. Islam yakin bahawa kestabilan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat adalah asas penting untuk sesebuah masyarakat menempa kejayaan pembangunan secara berterusan.

Walau bagaimanapun, kita semua menyedari sektor kewangan merupakan diantara sektor penting dalam menyokong pembangunan ekonomi dan meningkatkan mutu kehidupan harian. Oleh yang demikian, sistem kewangan perlu menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan yang lengkap untuk memenuhi keperluan pembangunan ekonomi negara. Sistem kewangan juga perlu beroperasi dengan cekap dengan menyediakan produk serta perkhidmatan yang sesuai dan pada masa yang diperlukan dengan kos yang terendah. Pada masa yang sama, memerlukan satu sistem kewangan yang stabil dan berdaya tahan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang wujud daripada perubahan dan suasana tidak menentu yang boleh menjejaskan kestabilan.

¹ Syed M.G Wafa, M. Nasri M Hussein dan M. Hizam Hanafiah (2001), *Pengantar Perniagaan Islam*, Kuala Lumpur: Univision Press, h. 10-11.

Selain itu diperlukan pula sistem kewangan yang mampu memenuhi agenda sosial sesebuah masyarakat agar ianya boleh mencapai pertumbuhan yang mengambil kira pembangunan semua lapisan masyarakat. Aspirasi kita sudah tentu meliputi pembangunan sistem kewangan Islam yang menyeluruh sebagai satu alternatif yang lengkap dan berdaya maju.

Dalam hal ini maka institusi gadai Syariah dapat memainkan peranan di atas sebagai salah satu institusi kewangan Islam dalam mewujudkan satu saluran pinjaman alternatif kepada pajak gadai konvensional, yang bukan sahaja lebih telus dan beretika tetapi juga menepati lunas-lunas Syariah. Disamping itu, gadai Syariah juga diharapkan dapat menyumbang untuk memajukan lagi kedudukan sosio ekonomi suatu masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama menerusi pembiayaan mikro kredit dalam upaya mendukung pembinaan satu sistem kewangan Islam yang menyeluruh meliputi semua aspek kewangan.

Di Indonesia Gadaian merupakan antara institusi mikro kredit yang begitu mendapat sambutan daripada orang ramai bagi mendapatkan perkhidmatan mudah tunai. Dan ianya pula memiliki potensi besar dalam membantu masyarakat ekonomi kecil dan menengah dalam menjalankan proses pembangunan pada sesuatu masyarakat.

Walaupun terdapat pandangan yang negatif terhadap mereka yang menggunakan perkhidmatan Gadaian, namun Gadaian tetap menjadi saluran utama khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan wang.²

Sebagai misal, prosedur untuk memperoleh kredit gadai Syariah sangat sederhana, masyarakat hanya menunjukkan bukti identiti diri dan barang bergerak sebagai jaminan, wang pinjaman dapat diperoleh dalam waktu yang tidak relatif lama

² Che Mohd Yusri Che Hashim (1995), "Pelopor Sistem Gadaian Islam", *Dewan Ekonomi*, h.16.

(kurang lebih 15 minit sahaja). Begitupun untuk melunasi pinjaman, pelanggan cukup dengan menyerahkan sejumlah wang dan surat bukti *rahn* saja dengan waktu proses yang juga singkat.

Kemudahan lainnya umpamanya, untuk dapat memperoleh layanan dari Gadaian Syariah, masyarakat hanya cukup menyerahkan harta alihnya berupa emas, berlian, kenderaan, dan lain-lain untuk diletak disertai dengan salinan tanda pengenal. Kemudian kakitangan Penaksir akan menentukan nilai taksiran barang berharga tersebut yang akan dijadikan sebagai asas perhitungan pengenaan sewa simpanan sebagai perkhidmatan simpan dan jumlah wang pinjaman yang dapat diberikan. Taksiran barang ditentukan berasaskan nilai intrinsik dan harga pasar yang telah ditetapkan oleh Syarikat Umum Gadaian. Maksimum wang pinjaman yang dapat diberikan adalah sebesar 90% dari nilai taksiran barang.

Hal inilah yang menjadikan masyarakat, lebih memilih Gadaian sebagai alternatif peminjaman wang daripada Bank ataupun institusi kewangan lainnya. Khususnya bagi masyarakat kecil dan ekonomi menengah yang tidak ingin disusahkan dengan prosedur peminjaman yang kadangkala membuat mereka putus asa dengan birokrasi yang sedia ada.

1.2 Permasalahan Kajian

Apabila melihat dan memerhati pengalaman di beberapa negara seperti Malaysia, pada umumnya mereka mensyaratkan emas sebagai barang jaminan dengan andaian kestabilan nilai yang dimilikinya. Berbeza dengan di Indonesia, ianya dapat menerima agunan selain emas, seperti berlian, kenderaan dan barang elektronik.

Sehingga dalam konteks ini, meskipun secara nilai aset masih kalah berbanding dengan Malaysia, Indonesia dijadikan rujukan dalam membuat standardisasi penaksiran nilai barang sebagaimana dinyatakan dalam konferensi Ar-Rahnu Serantau (Organisasi Pegadaian Syariah Asia Tenggara) September 2005.

Oleh sebab itu sejak ianya mula pertama kali diperkenalkan di Indonesia, didapati ia mendapat sambutan yang menggalakkan. Seiring dengan pesatnya perkembangan dan pertumbuhan institusi kewangan Islam di Indonesia, walaupun perkembangan di Indonesia boleh dikata cukup lambat berbanding dengan negara-negara lain, namun ianya merupakan sebuah langkah positif dalam membangun satu sistem kewangan Islam yang berwibawa.

Gadai Syariah dapat memainkan peranan penting sekiranya dipasarkan sebagai satu produk mikro-kredit institusi kewangan dan sekaligus berfungsi sebagai produk mikro-kredit serampang dua mata.³ Pertamanya, sebagai saluran kredit kepada mereka yang ingin menggunakan skim gadai Syariah untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menampung keperluan harian. Keduanya, sebagai saluran kredit kepada mereka yang memerlukan modal kerja sementara, terutama Usaha-Usaha Kecil dan Menengah (UKM). Dalam memenuhi objek yang pertama, institusi pelaksana gadai Syariah bukan sahaja perlu menyediakan saluran yang efektif untuk membantu mereka yang memerlukan wang dengan segera, malah institusi pelaksana hendaklah menyediakan satu pangkalan data untuk mengenal pasti golongan yang sering bergantung kepada skim ini. Gadaian Syariah dan institusi pembina Usaha Kecil Menengah (UKM) perlu bekerjasama untuk mengenal pasti golongan ini dan membantu serta menyerapkan mereka ke dalam program-program sosioekonomi yang berada dibawah tanggung jawab menteri/institusi yang menangani pengusaha-pengusaha kecil dan menengah.

³ Mustafa Dakian (2005), *Sistem Kewangan Islam: Instrumen, mekanisme, dan pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., h. 120.

Objektif yang kedua ialah perlunya Gadaian Syariah dipaparkan sebagai sumber pembiayaan untuk golongan peniaga kecil bagi menjana modal dengan pantas dan bekasan untuk perniagaan mereka. Perlu diketahui bahawa ramai peniaga bumiputera yang berpotensi ingin mengembangkan perniagaan atau mendapatkan modal asas tetapi menghadapi masalah akses kepada pinjaman bank kerana ketiadaan rakaman nota untuk dikemukakan. Sekiranya golongan peniaga ini mempunyai barangan emas, mereka boleh menggunakannya sebagai sandaran atau cagaran dalam skim gadaai Syariah untuk mendapatkan modal pusingan dan sekiranya kitaran perniagaannya tinggi, pengguna gadaai Syariah bukan sahaja akan dapat memperbaiki aliran mudah tunainya, bahkan dapat membantu mengurangkan kos operasi perniagaan mereka. Secara relatifnya, kos pembiayaan akan menjadi lebih rendah dan peniaga kecil berkenaan akan dapat menikmati margin keuntungan yang lebih tinggi. Setelah memperoleh kembali modal dan keuntungannya, peniaga berkenaan akan membayar balik pinjaman dibawah skim ini dan seterusnya menebus semula barangan emas yang dicagarkan.

Menurut Abd. Ghafar Ismail⁴ terdapat beberapa aspek yang boleh dijadikan ukuran dalam menentukan sumbangan aktiviti pajak gadaai dalam aktiviti ekonomi sesebuah negara, iaitu:

- 1) Jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh sektor pajak gadaai berbanding dengan jumlah pembiayaan dalam pasaran kewangan, melayakkan pajak gadaai dianggap sebagai bank kecil.
- 2) Aktiviti pajak gadaai adalah penting kepada golongan berpendapatan rendah.
- 3) Peniaga kecil dan Industri Kecil Sederhana (IKS) menggunakan kemudahan pembiayaan pajak gadaai bagi tujuan aktiviti ekonomi.

⁴ Lihat Abd. Ghafar Ismail (2004) Skim Ar-Rahnu pengukuhan kerjasama serantau: pengalaman Malaysia, *Proceeding Konvensyen Ar-Rahnu Serantau 2002*, Kuala Lumpur. YPEIM

Namun demikian dalam sejarah panjang sejak ditubuhkannya Gadaian konvensional dan dirasmikan operasinya Gadaian Syariah di Indonesia melalui peraturan pemerintah 103/2000. Belum ramai dilakukannya kajian mendalam yang melihat peranan Gadaian Syariah, khususnya Gadaian Syariah di Wilayah Batam yang menjalankan peranan sebagai institusi kewangan Islam yang menyalurkan kredit kepada usaha-usaha kecil dan menengah dan kepada golongan berpendapatan rendah, serta terhadap pembangunan masyarakat muslim khususnya. Hal ini menjadi penting kerana objektif penubuhan Gadaian Syariah adalah untuk menghindari amalan Riba dalam masyarakat, sehingga akan terjadi pembangunan yang berteraskan keadilan dan kesejahteraan.

Pemerhatian peranan institusi kewangan, khususnya institusi kewangan Syariah terhadap usaha kecil dan menengah adalah menjadi sangat penting, dikeranakan Usaha Kecil Menengah (UKM) dipandang sebagai penyelamat dalam proses pemulihan ekonomi Indonesia. Peranannya dalam mendorong pertumbuhan ekonomi dan penyerapan tenaga kerja telah dijadikan langkah awal pemerintah Indonesia untuk menggerakkan sektor produksi pada pelbagai lapangan perniagaan.

Sejak krisis ekonomi melanda Indonesia, peranan Usaha Kecil Menengah (UKM) meningkat dengan tajam. Data dari Biro Pusat Statistik⁵ menunjukkan bahawa peratusan jumlah Usaha Kecil Menengah (UKM) dibandingkan jumlah syarikat pada tahun 2001 adalah sebesar 99.9 %. Pada tahun yang sama, jumlah tenaga kerja yang terserap oleh sektor ini mencapai 99.4 % dari jumlah tenaga kerja. Demikian juga sumbangannya pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) juga besar, lebih dari setengah perekonomian Indonesia disokong oleh produksi dari Usaha Kecil Menengah (UKM) iaitu sebanyak 59.3%. Data-data tersebut menunjukkan bahawa peranan Usaha

⁵ Data ini adalah hasil survey kerjasama BPS dengan Menteri Negara Koperasi dan UKM.

Kecil Menengah (UKM) dalam perekonomian Indonesia adalah sentral dalam menyediakan lapangan pekerjaan dan menghasilkan *output*⁶.

Oleh sebab itu, jumlah pengusaha mikro di Indonesia pada tahun 2005 sebanyak 40 juta orang, merupakan sebuah potensi besar dalam kerangka membangun ekonomi bangsa. Dan sejarah pula telah membuktikan, semasa krisis ekonomi melanda negara-negara Asia dan Indonesia pada khususnya. Yang paling kuat untuk bertahan terhadap krisis tersebut adalah para pengusaha mikro.

Dengan demikian, adalah suatu fenomena yang menarik jika penulis ingin mengkaji lebih lanjut apakah Gadaian Syariah Wilayah Batam khususnya telah memainkan peranan positif sebagai instrumen kredit usaha kecil dan menengah di Batam.

Kajian ini difokuskan pada Gadaian Syariah Wilayah Batam adalah mengingat pesatnya pembangunan di wilayah Batam yang tingkat pertumbuhan pembangunan di daerah ini lebih dari 100% pertahun, hal ini adalah faktor penting untuk dilihat jika dibandingkan dengan beberapa daerah lainnya. Sehingga penulis mencoba untuk meneliti lebih lanjut peranan Gadaian Syariah di wilayah tersebut sebagai instrumen kredit Usaha Kecil dan Menengah (UKM) yang mungkin sedikit ataupun banyak akan memberikan dampak terhadap pesatnya pembangunan yang ada.

1.3 Persoalan Kajian

Sehubungan dengan permasalahan-permasalahan di atas, maka persoalan-persoalan berikut dikemukakan :

⁶ Lihat *Indikator Makro Ekonomi Usaha Kecil dan Menengah Tahun 2003*, Berita Resmi Statistik No. 21/VII/24 Maret 2004.

1. Apakah Gadaian Syariah Wilayah Batam telah berperan sebagai instrumen kredit Usaha Kecil Menengah?
2. Sejauh manakah peranan yang dilakukan Gadaian Syariah Wilayah Batam sebagai instrumen Kredit Usaha Kecil Menengah?
3. Bagaimanakah amalan yang dilakukan Gadaian Syariah Wilayah Batam dalam menyalurkan Kredit Usaha Kecil Menengah?

1.4 Objektif Kajian

1. Mengkaji Peranan Gadaian Syariah Wilayah Batam sebagai Instrumen Penyaluran Kredit Usaha Kecil Menengah.
2. Mengkaji Keberkesanan Gadaian Syariah Wilayah Batam sebagai Instrumen Usaha Kecil Menengah bagi Masyarakat.
3. Mengkaji amalan yang dilakukan Gadaian Syariah Wilayah Batam sebagai Instrumen Kredit Usaha Kecil Menengah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini agak berbeza daripada kajian-kajian terdahulu dalam bidang gadai Syariah, kerana penulis menumpukan kajian dari sudut mengenal pasti peranan Gadaian Syariah sebagai instrumen kredit usaha kecil dan menengah, sehingga akan terlihat dengan jelas aspek nyata yang telah dilakukan gadai Syariah terhadap perkembangan usaha kecil dan menengah.

Belum ramai dilakukannya kajian mendalam yang melihat peranan Gadaian Syariah, khususnya Gadaian Syariah di Wilayah Batam yang manjalankan peranan

sebagai institusi kewangan Islam yang menyalurkan kredit kepada usaha-usaha kecil dan menengah, serta terhadap pembangunan masyarakat muslim khususnya. Hal ini menjadi penting kerana objektif penubuhan Gadaian Syariah adalah untuk menghindari amalan Riba ditengah masyarakat, sehingga akan terjadi pembangunan yang berteraskan keadilan dan kesejahteraan.

Kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini kebanyakan hanya membahas dari aspek hukum gadaian/konsep-konsep gadaian islam. Ada juga beberapa kajian yang membincang tentang gadai Syariah sebagai instrumen kredit Usaha Kecil Menengah, namun kajian-kajian tersebut masih bersifat umum.

Hasil dari kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan peranan apa sahaja yang telah dilakukan Gadaian Syariah wilayah Batam khususnya sebagai instrumen kredit usaha kecil dan menengah. Serta mengenal pasti apa sahaja hal yang dihasilkan yang berimpak terhadap perkembangan usaha kecil dan menengah di Batam, dengan hasil kajian ini maka diharapkan pihak Gadaian Syariah Batam khususnya dapat mengambil langkah-langkah yang lebih strategik bagi memantapkan pelaksanaan skim tersebut. Hasil kajian ini dapat dijadikan panduan bagi pihak Gadaian Syariah untuk lebih meningkatkan usaha untuk mengembangkan kumpulan-kumpulan usaha kecil dan menengah, sehingga akan memberi impak positif terhadap pembangunan secara umum.

Penulis juga mengharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan keilmuan dalam bidang kewangan islam dan akan menjadi rujukan bagi kajian-kajian seterusnya dalam bidang gadai Syariah.

1.6 Definisi Tajuk

Gadai (*al-rahn*), adalah istilah yang diambil daripada kata terbitan bahasa Arab. Gadai (*al-rahn*) adalah berasal daripada kata perbuatan *rahana* yang bermakna menggadaikan. Perkataan ini membawa maksud kena gadai (atau digadaikan), sebagaimana kata terbitan *al-khalq* membawa makna kena jadi atau dijadikan.⁷ Manakala Istilah *al-rahn* menurut Imam Ibnu Manzur diartikan apa-apa yang diberikan sebagai jaminan atas suatu manfaat barang yang diagunkan.⁸

Definisi gadai (*al-rahn*) menurut istilah undang-undang Islam ialah sebagaimana yang diperkatakan oleh para ulama Maliki iaitu: “Pemberian seseorang yang diizinkan berkontrak, sesuatu yang boleh dijual atas sesuatu yang mempunyai *gharar* (yang sedikit) sebagai sandaran (jaminan) ke atas sesuatu hak.”⁹

Adapun penggunaan istilah gadai Syariah pada tajuk di atas adalah bermaksud institusi/institusi Gadaian yang menjalankan gadai di Indonesia, iaitu salah satu unit layanan Syariah yang dilaksanakan oleh Syarikat Umum Gadaian di samping unit layanan konvensional.¹⁰ penggunaan istilah ini adalah untuk memudahkan pemahaman bagi khalayak pembaca di Malaysia.

⁷ Majd al-Dīn Muḥammad ibn Ya’qūb al-Fairūz Ābādī (1997), *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, Jld. 2, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 1570.

⁸ Ibn Manzur (1999), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Mu’assah Tārīkh al-‘Arabī, h. 347.

⁹ Muḥammad ‘Ulaisy (t.t.), *Manḥ al-Jalīl*, Jld. 5, Beirut: Dār Ṣādir, h. 56-57; Muḥammad Ibn ‘Arafah al-Dasūqī (t.t.), *Ḥāsyiyah al-Dasuqī ‘Alā al-Sharḥ al-Kabīr*, Jld. 3, t.tp., t.pt., h. 231.

¹⁰ Abdul Ghofur Anshori (2006), *Gadai Syariah Di Indonesia. Konsep, Implementasi dan Institusionalisasi*, Yogyakarta: Gajahmada University Press, h. 5.

Instrumen dari aspek linguistik berasal dari perkataan Inggeris, iaitu *instrument* yang memberi erti *a tool or implement*.¹¹ Menurut *Kamus Dewan*, instrumen ialah alat atau perkakas.¹²

Kata kredit berasal dari bahasa latin *Credere* berarti kepercayaan. Menurut *Kamus Dewan*, kredit bermakna wang yang dipinjamkan, juga bermakna kemudahan membayar terkemudian daripada penerimaan barang.¹³ Oleh yang demikian, maka makna kredit bermaksud memberikan jasa, wang, sekarang dengan pembayaran atau balas jasa di kemudian hari/pada masa yang akan datang.

Adapun istilah Usaha Kecil Menengah, iaitu merujuk pada Undang-Undang Nombor 9 Tahun 1995, kriteria usaha kecil dilihat dari aspek kewangan dan modal yang dimilikinya adalah:

- 1) Memiliki kekayaan bersih paling banyak 200 juta rupiah (tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha), atau
- 2) Memiliki hasil penjualan paling banyak 1 miliar rupiah/tahun.

Untuk kriteria usaha menengah :

- 1) Untuk sektor industri, memiliki total aset paling banyak 5 miliar rupiah, dan
- 2) Untuk sektor non industri, memiliki kekayaan bersih paling banyak 600 juta rupiah tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha; memiliki hasil usaha tahunan paling banyak 3 miliar rupiah.

Instruksi Presiden (INPRES) Republik Indonesia No. 10 Tahun 1999 mendefinisikan usaha menengah adalah unit aktiviti usaha yang memiliki kekayaan

¹¹ Lihat definisi perkataan "*instrument*" dalam i-Finger Look-Up System (2000), Oxford Dictionary, ver. 1.30 CD-ROM.

¹² Lihat *Kamus Dewan*, ed. Noresah Baharum, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa, h. 494.

¹³ *Ibid.*, h.711.

bersih lebih besar dari 200 juta rupiah sehingga maksimum 10 miliar rupiah (tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha).

Pengertian Usaha Kecil Menengah (UKM) dilihat dari kriteria jumlah pekerja yang dimiliki berbeza antara satu Negara dengan lainnya. Di Indonesia, Biro Statistik memberikan kriteria usaha kecil jika pekerjanya 5-19 orang; jika kurang daripada 5 pekerja digolongkan usaha rumah tangga, dan istilah usaha menengah apabila pekerjanya berjumlah 20-99 orang.¹⁴

1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya difokuskan pada Gadaian Syariah wilayah Batam, walaupun banyak Gadaian Syariah pada daerah-daerah lainnya di Indonesia. Alasan utamanya adalah setelah penulis mencoba menghubungi sekian banyak jumlah Gadaian Syariah yang ada di Indonesia, hanya Gadaian Syariah wilayah Batam yang bersedia untuk diadakan penelitian, sehingga hal ini menjadi pertimbangan utama untuk memberikan kemudahan akses data. Selain itu penulis berminat untuk meneliti Gadaian Syariah di wilayah Batam, atas pertimbangan tingkat pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada daerah tersebut

Penulis pula, hanya meneliti peranan Gadaian Syariah sebagai instrumen kredit bagi Usaha Kecil Menengah di Batam, dan mengabaikan aspek-aspek lainnya yang tidak ada hubung kait dengan peranan Gadaian Syariah sebagai instrumen kredit usaha kecil.

¹⁴ Tiktik Sartika Partomo *et. al* (2004), *Ekonomi Skala Kecil/Menengah & Koperasi*, Ghalia Indonesia, h. 14-15.

1.8 Ulasan Kajian Lepas

Setakat penelitian terhadap kajian lepas, belum ada kajian yang membincangkan tentang peranan gadai Syariah di Wilayah Batam sebagai instrumen kredit Usaha Kecil Menengah. Tetapi terdapat cukup banyak kajian yang membincang tentang konsep dan amalan gadai Syariah baik di Malaysia maupun di Indonesia., tetapi kajian-kajian tersebut umumnya tertumpu kepada konsep dan amalannya sahaja tanpa membincang lebih jauh tentang peranannya sebagai intrumen kredit Usaha Kecil Menengah/*small and medium enterprise*. Kajian-kajian tersebut antara lain:

Muhammad Saiful Islami dalam kajian *Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Pajak Gadai Islam (Al- Rahn) Kajian Di Kedai Ar-Rahnu Bank Rakyat Cawangan Alor Setar, Kedah*.¹⁵ Kajian ini merupakan disertasi sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kajian ini dijalankan untuk melihat penerimaan pelanggan terhadap skim pajak gadai Islam Ar-Rahnu berasaskan beberapa faktor, kajian ini melibatkan 200 orang responden pelanggan skim Ar-Rahnu di Kedai Ar-Rahnu Bank Rakyat, Alor Setar, Kedah. Di dalam kajiannya pengkaji mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam penerimaan terhadap skim Ar-Rahnu berasaskan faktor jantina, bangsa, umur dan jenis pekerjaan responden kecuali pada faktor pendidikan dan pendapatan. Didapati pula terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara faktor-faktor pengetahuan terhadap skim Ar-Rahnu, keistimewaan skim Ar-Rahnu, kelemahan pajak gadai konvensional, layanan kaki tangan dan khidmat pelanggan serta lokasi Kedai Ar-Rahnu dengan penerimaan pelanggan terhadap skim tersebut. Tetapi hanya dua faktor yang berpotensi

¹⁵ Muhammad Saiful Islami (2006) *Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Pajak Gadai Islam (Al- Rahn) Kajian Di Kedai Ar-Rahnu Bank Rakyat Cawangan Alor Setar, Kedah (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)*

mempengaruhi secara signifikan penerimaan pelanggan terhadap skim Ar-Rahnu iaitu faktor pengetahuan terhadap skim Ar-Rahnu serta faktor layanan kaki tangan dan khidmat pelanggan.

Kajian lainnya adalah kajian Safinar Binti Salleh dengan tajuk Sistem Gadaian Islam: Pengamalan dan Keberkesanan Operasinya Di Negeri Perlis. Ini merupakan disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.¹⁶ Di dalam kajiannya pengkaji meneliti pengamalan dan keberkesanan sistem gadaian Islam di empat buah institusi iaitu Bank Rakyat dan Bank Pertanian Malaysia (BPM) cawangan Kangar, Pajak Gadai Islam Yayasan Islam Perlis (PGI) dan Pajak Gadai Islam Koperasi Jama'iyah Orang-Orang Melayu Perlis Berhad (KOJAM). Kajian tersebut mendapati skim gadaian Islam yang diamalkan menepati konsep gadaian Islam. Faktor utama yang menjadi daya penarik skim ini ialah mengenakan kadar upah simpan yang rendah, bebas daripada unsur riba, tempoh dan cara pembayaran balik yang munasabah serta ketelusan dalam pelaksanaan skim.

Selanjutnya adalah kajian yang dibuat oleh Abd Ghafar Ismail dengan tajuk Sistem Ar-Rahnu di Malaysia Sebagai Instrumen Penjana Ekonomi: Kaitan Dengan Industri Hiliran. Ini merupakan kajian dalam bentuk kertas kerja yang dibentangkan dalam sebuah Seminar Kefahaman Mengenai Konsep dan Aplikasi Sistem Ar-Rahnu, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).¹⁷ Ia mendapati bahawa pajak gadai sangat penting kepada penduduk Malaysia, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah (kurang dari RM500) dan kurang berpendidikan (tingkat sekolah rendah).

¹⁶ Safinar Binti Salleh (2005), Sistem Gadaian Islam: Pengamalan dan Keberkesanan Operasinya Di Negeri Perlis, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹⁷ Abd Ghafar Ismail (2001), Sistem Ar-Rahnu di Malaysia Sebagai Instrumen Penjana Ekonomi: Kaitan Dengan Industri Hiliran. Seminar Kefahaman Mengenai Konsep dan Aplikasi Sistem Ar-Rahnu, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Golongan ini mempunyai resiko pinjaman yang tinggi yang menyebabkan mereka terpinggir daripada pasaran kewangan arus perdana.

Dalam hal ini jelas bahawa institusi pajak gadai di Malaysia mempunyai potensi besar dalam menjana ekonomi masyarakat, iaitu sekiranya kegiatan pajakgadai boleh dieksploitasi sepenuhnya dan keberkesanan aktivitiya juga dipertingkatkan. Namun begitu, usaha-usaha merancang dan membangun pajakgadai seharusnya dilaksanakan dengan mengambil kira bukan sahaja jumlah pinjaman yang dijana, tetapi juga mampu menjawab aktivitiya boleh menerbitkan industri hiliran.

Selanjutnya adalah kajian Habib Ahmed dalam jurnal *Islamic Economic Studies*, dengan tajuk “Financing Microenterprises: An Analytical Study of Islamic Microfinance Institution”¹⁸. Ia mengkaji tentang institusi mikro Kredit yang berasaskan Syariah, dengan mengambil kira pengalaman institusi mikro Kredit konvensional yang telah terlebih dahulu berkembang dan beberapa institusi mikro Kredit yang berasaskan nilai-nilai Syariah di Bangladesh. Kemudian dari kajian tersebut, pengarang merumuskan asas teori institusi mikro Kredit Islam, kerangka operasinya dan dukungan fakta empirik untuk menubuhkan dan mengembangkan institusi mikro Kredit Islam.

Menurut beliau, permasalahan yang biasa dihadapi oleh institusi mikro Kredit adalah berkisar tentang gaji yang kecil, terhadapnya sumber kewangan, kos yang tinggi untuk pembiayaan, teknologi yang primitif, kerosakan moral, kos pemantauan yang mahal, tidak terlepasnya pelanggan dari kemiskinan, dan lain-lain. Islam boleh mengatasi permasalahan untuk mendapatkan sumber kewangan melalui institusi wakaf, sedekah dan zakat serta dana hibah.

¹⁸ Habib Ahmed (2002), “Financing Microenterprises: An Analytical Study of Islamic Microfinance Institution”, *Islamic Economic Studies*, Vol. 9, No. 2, h. 27-64.

Pengarang menyimpulkan bahawa institusi mikro Kredit boleh diakui sebagai pendekatan baru untuk mengurangkan kemiskinan dan mempertingkatkan pembangunan. Institusi mikro Kredit yang berasaskan konvensional telah diamalkan dua dekad yang lalu, akan tetapi institusi mikro Kredit Islam belum lagi dikembangkan. Artikel ini boleh menjadi panduan untuk mengembangkan institusi mikro Kredit Islam, kerana dalam artikel ini didedahkan asas teorinya, kerangka operasinya dan dukungan fakta empirik untuk menubuhkan dan mengembangkan institusi mikro Kredit Islam. Akan tetapi artikel ini belum mengkaji sebarang isu yang berkaitan dengan peranan institusi mikro Kredit Islami sebagai instrumen kredit usaha kecil dan menengah.

Selanjutnya kajian Nik Mustapha Bin Nik Hassan dengan tajuk Peranan Ar-Rahnu Dalam Pembangunan Perniagaan Kecil Islam, suatu kajian yang dibentangkan dalam Seminar Kefahaman Mengenai Konsep dan Aplikasi Sistem Ar-Rahnu, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), mendapati bahawa dari peratusan 40 % pendapatan terendah adalah bumiputera, ia melibatkan sejumlah 49.6 % dari keseluruhan masyarakat adalah bumiputera dan kebanyakan terdapat diluar bandar. Dalam konteks ini ianya bermaksud mencadangkan kewujudan institusi kewangan yang mampu menyediakan pembiayaan kecil (*microfinance*) yang bermatlamat untuk membantu golongan lemah ekonomi semoga berpeluang berdikari dan seterusnya menjadi penyumbang kepada pembangunan negara secara berkesan.¹⁹

Sedangkan Abdul Ghafar Ismail dan Nor Zakiah Ahmad dalam sebuah kajian yang tertuang dalam sebuah artikel bertajuk "Pawnshop as an Instrument of Microenterprise Credit in Malaysia", dalam *International Journal of Social Economics*, mendapati transaksi kredit yang dilakukan masyarakat pada gadaian adalah sekitar RM

¹⁹ Nik Mustapha Bin Nik Hassan (2001), *Peranan Ar-Rahnu Dalam Pembangunan Perniagaan Kecil Islam*, Seminar Kefahaman Mengenai Konsep dan Aplikasi Sistem Ar-Rahnu, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

125 juta pada akhir tahun 1995 (termasuk RM 67 juta kredit baru). Sebagai perbandingan pinjaman yang dikeluarkan pada akhir tahun 1995 sejumlah RM 306.6 bilion, dimana RM 174.2 bilion dilakukan oleh bank perdagangan, dan RM 62.7 bilion oleh institusi kewangan lainnya.²⁰ Artinya Gadaian baru mampu memberikan sumbangan sebesar 0.03 persen pada kredit baru di pasaran kewangan Malaysia.

Di balik semua itu, pajak gadaai sangatlah berguna bagi ribuan masyarakat di Malaysia, khususnya yang memiliki pendapatan dibawah RM 500 dan kurang berpendidikan, yang membuat mereka cenderung menghindari peminjaman kredit pada institusi kewangan bank. Dimana pula sebahagian pengguna lainnya menggunakan Pajakgadaai kerana mereka tidak biasa untuk meminjam dari institusi kewangan resmi. Dan ada pula yang meminjam kerana keperluan yang mendesak. Dimana mereka hanya memerlukan beberapa minit untuk mendapatkan wang, dengan hanya sedikit pertanyaan diajukan kepada si peminjam.

Sementara kajian Shamsiah bt Mohamad yang bertajuk *Perlaksanaan gadaian Islam di institusi gadaian Islam di Malaysia : kajian kes di Muassasah Gadaian Islam Terengganu* mengkaji pelaksanaan gadaian Islam di Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT).²¹ Kajian ini menemukan bahwa institusi gadaian di MGIT sudah menepati shariat Islam dan dapat mencapai objektif penubuhannya. Kajian tersebut juga mendapati konsep urusniaga gadaian di MGIT menepati konsep urusniaga gadaian menurut syariat Islam. Namun, dari sudut pelaksanaan MGIT masih gagal untuk memenuhi sepenuhnya apa yang dituntut oleh Islam disebabkan sumbangan yang diberikan oleh pelanggan semasa penebusan barang gadaian bukanlah berasaskan

²⁰ Abdul Ghafar Ismail dan Nor Zakiah Ahmad (1997), "Pawnshop as an Instrument of Microenterprise Credit in Malaysia", *International Journal of Social Economics*, thn. 1997, vol. 24, no. 1, h. 1343-1352.

²¹ Shamsiah bt Mohamad (1994), *Perlaksanaan gadaian Islam di institusi gadaian Islam di Malaysia : kajian kes di Muassasah Gadaian Islam Terengganu* (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Islam, Universiti Malaya)

kehendak sukarela tetapi dengan adanya paksaan secara halus melalui pertanyaan pihak MGIT kepada pelanggan berhubung jumlah sumbangan yang ingin diberi. Begitu juga pembatasan barang gadaian kepada emas dan berlian serta kedudukan MGIT yang beroperasi di Kuala Terengganu merupakan sebab-sebab MGIT masih gagal mencapai sepenuhnya objektif utama penubuhannya.

Ideris Endot dan Badlihisam Mohd Nasir dalam kajian mereka yang bertajuk *Peranan Gerakan Dakwah Dalam Pelaksanaan Sistem Ekonomi Islam di Malaysia Kajian Kes Institusi Ar-Rahn Kerajaan Negeri Terengganu*, sebuah paper yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Malaysia-Indonesia, menyinggung tulisan Khursid Ahmad dan Kalim Siddiqui, yang secara ringkasnya menyatakan bahawa gerakan dakwah secara intelektualnya telah berjaya menyebarkan fikrah ekonomi Islam kepada dunia. Pembahasan selanjutnya adalah tentang usaha-usaha PAS dan UMNO yang menjadikan faktor ekonomi sebagai isu utama perjuangan parti mereka. Penulis juga membahas tentang kejayaan PAS menubuhkan beberapa institusi ekonominya sendiri iaitu Dār al-Māl (awal 1980an) dan Kohilal (1989).²² Penubuhan MGIT (Muassasah Gadaian Islam Terengganu) sebagai Pajak Gadai Islam Pertama di Malaysia, menurut penulis bahawa dengan ditubuhkannya MGIT adalah sebagai bukti nyata kejayaan umat Islam menampilkan fikrah ekonomi secara teoritikal dan praktikal.

Sementara kajian Azizian Bin Haji Abdul Hamid yang bertajuk “Al-Rahn Sebagai Alternatif Sistem Pajak Gadai Di Malaysia”, dalam *Jurnal Penyelidikan Islam*, membahas penglibatan masyarakat di negara ini yang menggunakan perkhidmatan kedai pajak pernah dibuat oleh Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri pada

²² Ideris Endot dan Badlihisam Mohd Nasir (2002), *Peranan Gerakan Dakwah Dalam Pelaksanaan Sistem Ekonomi Islam di Malaysia Kajian Kes Institusi Ar-Rahn Kerajaan Negeri Terengganu*. (Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Malaysia-Indonesia) 18 Mei 2002: Medan-Indonesia Vol. 1 Paper 9 (14 p)

tahun 1978 ke atas 13 buah premis Kedai Pajak gadai di Wilayah Persekutuan.²³ Kajian ini menunjukkan pelanggan-pelanggan yang terlibat menggunakan perkhidmatan tersebut mengikut pecahan kaum ialah 42.05 % ialah orang Melayu, 31.14% orang India, 26.58 % orang China dan 0.23 lain-lain bangsa. Oleh kerana itu tidak ada suatu sistem alternatif kepada masyarakat terhadap sistem gadaian pada masa tersebut, mereka terpaksa berurusan kerana desakan hidup walaupun sistem itu memberatkan pelanggan dan pengamalnya

Pihak JAKIM telah menjalankan kajian terhadap pelaksanaan sistem Pajak gadai Islam di Malaysia dan mendapati hanya dua buah negeri, dua Institusi Kewangan dan satu Koperasi yang menjalankan skim *al-Rahn*. Kedua-dua negeri itu ialah Kelantan iaitu Kelantan *al-Rahn* Sistem Gadaian Islam yang mula beroperasi pada 1 Januari 1992 dan Terengganu iaitu Muassasah Gadaian Islam Terengganu yang mula beroperasi pada 23 Januari 1992. Manakala bagi institusi kewangan pula ialah Bank kerjasama Rakyat Malaysia atau Bank Rakyat yang mula beroperasi pada 23 Oktober 1995 serta Bank Islam yang mula beroperasi pada November 1997. Satu-satunya koperasi yang menjalankan sistem *al-Rahn* ialah Koperasi Pengguna Pahang Berhad yang mula beropersi pada 1 Jun 1996.

Menurut penulis, jika dilihat dari penelitian yang dilakukan oleh JAKIM, menunjukkan bahawa keperluan masyarakat terhadap sistem muamalat Islam ini adalah sangat tinggi. Dengan penyediaan sistem ini ia merupakan suatu alternatif kepada masyarakat untuk memilih sistem gadaian yang berlandaskan syara' dan seterusnya mengelak dari terlibat dengan sistem konvensional yang mencengkam mereka selama ini. Sistem ini jelas dapat memberi manfaat yang besar kepada masyarakat, khususnya masyarakat Islam.

²³ Azizian Bin Haji Abdul Hamid (1999), "Al-Rahn Sebagai Alternatif Sistem Pajak Gadai Di Malaysia", *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil. 12. Th. 1999.

Syed Mohd Ghazali Wafa mendefinisikan *al-Rahn* sebagai keadaan di mana penghutang atau penerima pinjaman menyandarkan bangunan kepunyaannya sebagai jaminan kepada hutang atau pinjaman yang diterima daripada pemiutang atau pemberi pinjaman.²⁴

Perbezaan utama antara *al-Rahn* dan pajak gadai konvensional terletak pada perjanjian pinjaman yang dikaitkan dengan sesuatu gadaian, dan bukan pada gadaian itu sendiri. Ini memandangkan dalam perjanjian *al-Rahn*, pinjaman yang dikaitkan dengan gadaian tidak dikenakan faedah (*interest*) iaitu riba yang mana riba diharamkan oleh Islam.

Menurutnya dengan adanya skim *al-Rahn* di Malaysia, ahli masyarakat bukan sahaja mempunyai pilihan dalam mendapatkan sumber pembiayaan dan hutang, malahan pilihan yang diketengahkan oleh *al-Rahn* adalah yang sesuai dengan tuntutan Islam. Laporan dari YPEIM menunjukkan bahawa skim *al-Rahn* dengan usahama Bank Rakyat melalui 146 kaunter telah berjaya memberi manfaat kepada lebih 500,000 pelanggan dan telah melibatkan pinjaman lebih dari RM460 juta. Jika dicampurkan dengan *al-Rahn* anjuran kedai *al-Rahn* Kelantan dan MGIT, maka nilainya lebih besar lagi. YPEIM melaporkan bahawa skim *al-Rahn* kini menguasai 30% pasaran industri pajak gadai tempatan.

Sementara penulisan Shamsiah Muhammad yang bertajuk, " Akta Pemegang Pajak Gadai 1972: Suatu Analisa dari Perspektif Islam," Jurnal Syariah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, APIUM, membahas tentang beberapa pertentangan Akta Pemegang pajak Gadai 1972 dengan syariat Islam. Diantaranya ialah seksen 17 tentang

²⁴ Syed Mohd Ghazali Wafa (2001), *Pelaksanaan Perkhidmatan Ar-Rahn Di Malaysia*, Seminar Kefahaman Mengenai Konsep dan Aplikasi Sistem Ar-Rahnu, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

pemberlakuan riba yang dilakukan oleh pemegang lesen gadai. Adapun riba yang berlaku dalam kontrak gadaian ialah *ribā al-nāsi'ah*.²⁵

Selanjutnya perbuatan pemegang gadai mengambil barang gadaian yang gagal ditebus dalam tempoh yang ditetapkan jelas sekali bertentangan dengan Syariat Islam. Ini kerana, Islam telah menetapkan bahawa pemegang gadai tidak boleh sama sekali menjadikan barang gadaian yang tidak ditebus sebagai miliknya.

Penulis berkesimpulan bahawa hanya terdapat 2 seksyen sahaja dalam Akta Pemegang Pajakgadai 1972 yang bertentangan dengan syariat Islam, yang pertama ialah sesyen 17, dan yang kedua ialah seksyen 23 (a) yang membenarkan pemegang gadai untuk memiliki barang gadaian yang tidak ditebus sekiranya pinjaman tersebut tidak melebihi RM 100. Sedangkan dalam Islam, setiap barang yang gagal ditebus hendaklah dijual. Hasil jualan tersebut digunakan untuk menjelaskan hutang berkenaan. Sekiranya ada baki hendaklah dikembalikan kepada penggadai.

Sedangkan Nik Ramlah Nik Mahmood dalam kajiannya yang bertajuk *Akta Pemegang Pajak Gadai dan Pengguna*, dalam sebuah kertas kerja yang dibentang dalam Seminar Undang-Undang dan Pengguna, membahaskan tentang kesalahan yang mungkin dilakukan oleh orang awam tentang akta pajakgadai 1972 diantaranya ialah, misalnya jika seseorang memajakgadai tetapi tidak boleh memberi penjelasan yang memuaskan mengenai bagaimana barang itu berada dalam miliknya, hal itu berarti telah melakukan kesalahan.²⁶

Seseorang yang memberi maklumat palsu kepada pemajakgadai samada mengenai barang yang disandarkan atau mengenai surat pajakgadai yang ada padanya

²⁵ Shamsiah Muhammad (1995), Akta Pemegang Pajak Gadai 1972: *Suatu Analisa Dari Perspektif Islam*. Jurnal Syariah, Jil 3, Bil 2 Julai 1995 Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya.

²⁶ Nik Ramlah Nik Mahmood (1984), *Akta Pemegang Pajak Gadai dan Pengguna*. Seminar Undang-Undang dan Pengguna: Semenyih, Selangor.

atau mengenai dirinya juga melakukan satu kesalahan, dan ianya boleh dihukum penjara tidak lebih dari 3 bulan atau denda tidak lebih dari \$1000/-.

Selain kedudukan yang tidak seimbang, ada lagi dua faktor yang membolehkan berlakunya penyelewengan. Pertama, ialah kecacatan dan kelemahan yang terdapat dalam akta pemegang pajagadai 1972 yang membolehkan beberapa penyelewengan dilakukan oleh pemegang pajagadai tanpa melanggar sembarang peruntukan di dalam akta itu. Faktor kedua, ialah kejahilan pemajagadai sendiri mengenai hak-hak mereka yang diberikan oleh akta. Diantara penyelewengan yang timbul akibat kekurangan ataupun kelemahan Akta ialah pemegang pajagadai biasanya meletakkan nilai yang rendah pada benda yang hendak di pajagadaikan. Penyelewengan dalam menilai barang yang hendak dipajagadaikan ini boleh berlaku kerana akta tidak mempunyai sebarang peruntukan mengenai bagaimana sesuatu benda itu harus dinilai.

Berasaskan pada kajian-kajian yang telah disebutkan, penulis menyimpulkan bahawa sesungguhnya institusi gadai Syariah dapat memainkan peranan penting dalam usaha mengembangkan Usaha Kecil Menengah. Keadaan inilah yang mendorong penulis untuk mengkaji lebih lanjut, bagaimana sesungguhnya peranan Gadaian Syariah Wilayah Batam dalam memainkan peranan sebagai Instrumen Kredit Usaha Kecil Menengah di Wilayah Batam.

1.9 Metodologi Kajian

1.9.1 Metode Kajian

Kajian ini adalah bersifat deskriptif dimana pendekatan ini digunakan untuk menjelaskan karakteristik variabel yang diamati dengan menggunakan frekuensi, rata-

rata, nilai maksimum dan minimum serta memberikan interpretasi terhadap hasil tersebut.

1.9.2 Sumber Data

Data yang digunakan dalam penelitian ini adalah data primer dan data sekunder. Data primer didapatkan dengan menggunakan borang soal selidik terhadap responden Gadaian Syariah Batam, borang hanya diberikan kepada pelanggan yang menggunakannya untuk Usaha Kecil dan Menengah (UKM) sahaja.

Data sekunder terdiri dari kinerja Gadaian Syariah Batam, serta perkembangan perekonomian daerah Batam yang didapatkan dari Biro Statistik Kota Batam dan Dinas Koperasi Kota Batam serta sumber lain yang relevan dalam angka selama lima tahun terakhir.

Penelitian ini juga mendapatkan data dengan melakukan temubual mendalam dan perbincangan fokus dengan sumber informan kunci terpilih yaitu Manager Pegadaian Syariah Batam, Ari Agung Nugraha pada hari Rabu tarikh 15 Agustus 2007, pukul 9.00 – 12.00 pagi Waktu Indonesia Bagian Barat

1.9.3 Prosedur Kajian

1.9.3.1 Persampelan

Sampel yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelanggan Gadaian Syariah Wilayah Batam yang melakukan kredit pinjaman untuk usaha kecil dan menengah. Maklumat populasi diperoleh daripada pihak Gadaian Syariah Batam. Sejumlah 100

orang pelanggan terlibat dalam kajian ini, jumlah ini merupakan 1.097 % dari 9113 pelanggan.

1.9.3.2 Instrumen Kajian

Data dalam kajian ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif diperoleh dengan melakukan temubual mendalam dan perbincangan fokus dengan informan kunci terpilih yaitu Manager Pegadaian Syariah Batam, Ari Agung Nugraha pada hari Rabu tarikh 15 Agustus 2007, pukul 9.00 – 12.00 pagi Waktu Indonesia Bagian Barat.

Data kuantitatif, diperoleh dengan metode *survey* lapangan dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik dibentuk berasaskan teori, konsep dan aplikasi Institusi Gadaian Syariah Batam yang menjalankan peranan sebagai instrumen kredit Usaha Kecil Menengah. Selain itu, penulis juga merujuk kepada beberapa individu yang berkecimpung secara langsung dalam bidang gadai Syariah sebagai sumber informasi bagi tujuan membentuk item-item dalam soal selidik tersebut.

Penulis telah membahagikan soal selidik kepada 5 Bahagian yang dilabelkan A hingga E. Bahagian A merupakan latar belakang responden seperti jantina, agama, status perkahwinan, pekerjaan, dan pendapatan perbulan. Soalan di Bahagian B pula dibentuk untuk melihat jenis usaha responden serta tujuan pengajuan kredit. Soalan pada bahagian C adalah untuk melihat persepsi pelanggan terhadap peranan yang dilakukan Gadaian Syariah wilayah Batam sebagai instrumen kredit usaha kecil dan menengah, soalan ini dibuat sebanyak 10 soalan. Pada bahagian D soalan dibuat untuk melihat keberkesanan pinjaman yang dibuat pelanggan, soalan ini sebanyak 5 soalan. Manakala soalan pada bahagian E adalah komen serta cadangan dari pelanggan untuk institusi Gadaian Syariah Batam.

1.10 Analisis Data

Data-data yang diperoleh dari pada soal selidik disimak dan diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* SPSS 12. Kemudian data dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menerangkan taburan kekeraban dan peratusan.

1.11 Sistematika Penulisan

Sistematika kajian dalam penyelidikan ini adalah sebagaimana berikut ini:

Bab 1: Bab ini merupakan pendahuluan yang merupakan pengenalan kepada kajian.

Ianya meliputi Pengenalan, Permasalahan Kajian, Persoalan Kajian, Objektif Kajian, Kepentingan Kajian, Definisi Tajuk, Skop Kajian, Ulasan Kajian Lepas, Metodologi Kajian, Sistematika Penulisan.

Bab 2: Bab ini tentang Gadai Syariah dan Usaha Kecil Menengah. Ianya meliputi Pendahuluan, Definisi Gadaian, Pensyariatan Gadaian, Objektif Gadaian dalam Islam, Peranan Gadai Syariah Dalam Pembangunan, Usaha Kecil Menengah, Kriteria Usaha Mikro, Kecil Dan Menengah (Umkm) Dan Permasalahannya,

Bab 3: Bab ini membincangkan Gadaian Syariah Cawangan Wilayah Batam, Kepulauan Riau Indonesia. Ianya meliputi Pendahuluan, Perkembangan Gadaian Syariah, Visi dan Misi Gadaian, Tugas, Tujuan, dan Fungsi Gadaian, Aktiviti Usaha Perusahaan Umum Gadaian, Operasi Gadaian Syariah, Perbezaan Gadaian Konvensional Dan Gadaian Syariah, Perbandingan Pengiraan Gadaian Syariah dengan Gadaian Konvensional, Gadaian Syariah Batam, Visi, Misi Dan

Wawasan Gadaian Syariah Batam, Syarat-Syarat dan aturan Gadaian Syariah
Batam.

Bab 4 : Bab ini membicarakan peranan Gadai Syariah Wilayah Batam Sebagai
Instrumen Kredit Usaha Kecil Menengah. Ianya meliputi analisis dan dapatan
kajian.

Bab 5: Bab ini adalah bab kesimpulan kepada kajian. Ianya meliputi rumusan,
cadangan dan kesimpulan

BAB II

GADAI SYARIAH DAN USAHA KECIL MENENGAH

2.1 Pendahuluan

Al-Rahn merupakan satu akad atau kontrak muamalat yang diharuskan oleh syarak. Dalam bab ini penulis akan membincangkan akad al-*rahn* dari sudut definisi, dalil pensyariaan dan hukum gadaian, rukun-rukun gadaian, syarat syarat gadaian dan beberapa aspek hukum yang berkaitan dengan gadaian sebagaimana yang dijelaskan *fuqahā'*.

2.2 Definisi Gadaian

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru, perkataan gadaai bermaksud pinjaman wang dengan menyerahkan barang sebagai cagaran untuk tempoh yang tertentu. Jika barang tersebut tidak ditebus kembali dalam tempoh yang ditetapkan, barang itu akan menjadi milik pemberi pinjaman²⁷.

Gadaian atau *al-rahn* dalam bahasa Arab mempunyai beberapa makna. Ibn Manzūr²⁸, al-Rāzī²⁹ dan Ibn Fāris³⁰ mentakrifkannya sebagai "*al-thubūt wa al-dawām*" yang bermaksud tetap dan kekal. Al-Zubaydī³¹ dan al-Azhari³² pula mengatakan *al-rahn*

²⁷ Syeikh Othman bin Syeikh Salim *et al.* (1991), *Kamus Dewan Edisi Baru*, c.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 329.

²⁸ Abū al-fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukarram al-Anṣārī b. Manzūr (1994), *Lisān al-'Arab*, j.13. Beirut: Dār Sādir, h.190

²⁹ Muḥammad b. Abū Bakr b. 'Abd al-Qadīr al-Rāzī (1972), *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*. Beirut: Dār al-Fikr, h.260

³⁰ Abū al-Husayn Aḥmad b.Fāris (1970), *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, j.2.c.2. Kaherah: Syarikah Muktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h.452.

³¹ Al-Sayyid Muḥammad Murtaḍā al-Zubaydī (t.t), *Tāj al-'Arūs*, j.9. Banghazi: Dār Lībiyā li-al-Nashr wa al-Tauzī', h.232

³² Abū Mansūr Aḥmad b.Muḥammad al-Azhari (t.t), *Tandhib al-Lughah*, j.6. Kaherah: Dār al-Miṣriyyah li al-Ta'lif wa al-Turjumah, h.273

ialah *al-rahn* ialah “*al-habs*” yang bermaksud menahan atau mengikat. Pengertian tersebut dapat dilihat dalam firman Allah:

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِيْنَةٌ

Surah al-Ṭūr (52): 2

Maksudnya:

“*Tiap-tiap manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya*”

Menurut Wahbah al-Zuhaylī, kedua-dua definisi tersebut mempunyai makna yang sama dan saling melengkapi antara satu sama lain.³³ Selain itu, perkataan *al-rahn* boleh juga bermaksud jaminan³⁴ dan barang gadaian itu sendiri.³⁵

Dari sudut istilah syarak, *al-rahn* ialah menjadikan sesuatu barang atau harta sebagai cagaran terhadap barang yang boleh dibayar dengannya ketika hutang tersebut tidak dapat dijelaskan³⁶

Hal ini bermakna barang gadaian akan menjadi cagaran dan jaminan terhadap hutang yang diberikan oleh pemegang gadai terhadap penggadai. Sekiranya penggadai gagal menjelaskan hutangnya dalam tempoh yang ditetapkan, Islam membenarkan pemegang gadai menjual barang gadaian tersebut untuk mendapatkan haknya kembali dan baki harga barang gadaian tersebut jika akan dikembalikan kepada penggadai . jelas disini tujuan daripada gadaian menurut Islam adalah menjaga hak tuan punya

³³ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 5c. 3, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 180.

³⁴ Al-Azhari (t.t.), *op cit.*, h. 275.

³⁵ Majd al-Dīn Muḥammad ibn Ya‘qūb al-Fayrūzabādī (t.t.), *al-Qamūs al-Muḥīṭ*, j.4. Kaherah: Mu‘assasah al-Ḥalabī wa Shurakāuhū, h. 230; al-Rāghib al-Aṣfahānī (1961), *al-Mufradāt fī Ghariḥ al-Qur‘ān*, Kaherah: Sharikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihī, h. 204.

³⁶ Shams al-Dīn Muḥammad ibn Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1958), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 2, Kaherah: Sharikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihī, h. 121; Ibrāhīm al-Bājūrī (t.t), *Hāshiyah al-Bājūrī ‘alā Ibn Qāsim al-Ghazzī*, j. 1, Kaherah: Maṭba‘ah Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 360.

hutang iaitu haknya tidak akan hilang sekiranya penghutang tidak dapat menjelaskan hutangnya.

Berasaskan pengertian yang dikemukakan oleh para ulama di atas, maka penulis berpendapat bahawa gadai (*rahn*) adalah menahan barang jaminan yang bersifat materi milik si peminjam (*rāhin*) sebagai jaminan atas pinjaman yang diterimanya, dan barang yang diterima tersebut bersifat ekonomis, sehingga pihak yang menahan (*murtahin*) memperoleh jaminan untuk mengambil kembali seluruh atau sebahagian hutangnya dari barang gadai dimaksud, jika pihak yang menggadaikan tidak dapat membayar hutang pada waktu yang telah ditentukan. Oleh kerananya, tampak bahawa gadai Syariah merupakan perjanjian antara seseorang untuk menyerahkan harta benda berupa emas/perhiasan/kenderaan dan, atau harta benda lainnya sebagai jaminan dan atau agunan kepada seseorang atau institusi Gadaian Syariah berasaskan hukum gadai Syariah, sedangkan pihak institusi gadai Syariah menyerahkan wang sebagai tanda terima dengan jumlah maksimum 90 % dari nilai taksir terhadap barang yang diserahkan oleh penggadai. Gadai dimaksud, ditandai dengan mengisi dan menandatangani Surat Bukti Gadaian (*rahn*).

Jika diperhatikan pengertian gadai (*rahn*) di atas, maka boleh difahami bahawa fungsi dari aqad perjanjian antara pihak peminjam dengan pihak yang meminjam wang adalah untuk memberikan ketenangan bagi pemilik wang, atau jaminan keamanan wang yang dipinjamkan.

2.3 Pencyariaian Gadaian

Hukum gadaian ialah harus sebagaimana jual beli yang mempunyai asas hukum samaada dari nas-nas al-Qur'an, Sunnah serta ijma' ulama'.³⁷ Berikut ini huraian detailnya.

a) Al Qur'an

Firman Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَى سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَّقْبُوضَةٌ فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُمْ
بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِمِنَ أَمَانَتَهُ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ وَمَنْ
يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آتَمٌ قَلْبُهُ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨٣﴾

Surah al-Baqarah (2): 283

“Jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati juru tulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh yang memberi hutang).”

Ayat di atas menunjukkan keharusan gadaian, walaupun pada ayat (فَرِهَانٌ) seolah olah menunjukkan wajib melakukan gadai tetapi pada ayat berikutnya (مَّقْبُوضَةٌ) jelas menunjukkan bahwa hukum gadai adalah harus.

Syaikh Muḥammad ‘Alī Al-Sayis berpendapat, bahawa ayat Al Quran di atas adalah petunjuk untuk mengamalkan prinsip kehati-hatian jika seseorang hendak

³⁷ Ābd a-Rahmān al-Jarīri (1970), *Kitab al-Fiqh ‘Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*,j.2. Kaherah: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubrā,h.319

melakukan transaksi utang-piutang yang memakai jangka waktu dengan orang lain, dengan cara menjaminkan sebuah barang kepada orang yang berpiutang (*rahn*)³⁸

b) As Sunnah

Terdapat banyak hadis yang mensyariatkan gadai sebagai amalan yang diharuskan kepada manusia, diantaranya sebagai berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ اشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا بِنَسِيئَةٍ وَرَهْنَهُ دِرْعَهُ³⁹

“Saidatina ‘Aisyah r.a meriwayatkan bahawa Nabi SAW membeli makan daripada seorang Yahudi secara berutang dan baginda SAW telah menggadaikan baju besinya.”

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظَّهْرُ يُرَكَّبُ بِنَفَقَتِهِ إِذَا كَانَ مَرَهُونًا، وَلَبْنُ الدَّرِّ يُشْرَبُ بِنَفَقَتِهِ إِذَا كَانَ مَرَهُونًا، وَعَلَى الَّذِي يَرَكَّبُ وَيَشْرَبُ التَّفَقَةُ - رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ

“Dari Abi Hurayrah r.a berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, apabila ada ternakan untuk digadaikan, menunggangi ada bayarannya kalau ia gadaian, memerah susunya ada bayaran kalau ia gadaian, setiap yang menunggangi dan memerah hendaklah menanggung pembiayaannya”⁴⁰

³⁸ Muḥammad ‘Ali al-Sayis (t.t.), *Tafsīr Āyat Al-Ahkām*, (tp: tp,tt), h. 175; Muḥammad ‘Ali al-Ṣabūnī (1986), *Ṣafwat at Tafāsīr*, Damaskus: Maktabah al-Ghazālī, Jld. 1, Cet. 1, h.179.

³⁹ Muḥammad ibn Isma‘il Abū Abdullāh al-Bukhārī (t.t.), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j.1, “Kitāb fi al-Luqāṭah, Bāb fī al-Rahn fī al-Ḥaḍar”, tiada no. hadits. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 630; Abū al-Ḥusayn Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 3, cet. 1, “Kitāb al-Musāqat, Bāb al-Rahn wa Jawāzuhū fī al-Ḥaḍar wa al-Safar”, no. hadith 1603, Beirut: Dār Iḥyā’ al Turāth al-‘Arabī, h. 1226; Muḥammad ibn Yazīd Abū ‘Abdullāh al-Qazwīnī ibn Mājah (t.t), *Sunan Ibn Majah*, j. 2, “Kitāb al-Ruhūn”, no. Ḥadīth 2436, Kaherah: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, h. 815.

⁴⁰ Al-Imām Muḥammad ibn Isma‘il al-Amīr al-Yammī al-Son‘ānī (1992), *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām min Jam‘i Adillah al-Aḥkām, Kitāb al-Buyū’*, no. ḥadīth 809, j. 2, cet. 7, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 869.

c) Ijma' Ulama'

Para ulama telah bersepakat bahawa amalan gadaian adalah diharuskan⁴¹. Para fuqaha' sependapat mengharuskannya walaupun ketika berada ditempat sendiri. Walaupun ayat mengenai gadaian di dalam al-Quran disebut dengan dua syarat iaitu dalam keadaan musafir dan ketika ketiadaan penulis, namun mereka menyatakan bahawa kedua-dua syarat tersebut hanyalah untuk menerangkan kebiasaan yang berlaku. Hal ini demikian kerana Rasulullah SAW sendiri melakukan gadaian ketika baginda berada di Madinah. Oleh hal yang demikian, jumhur fuqaha' mengharuskan gadaian dalam apa jua keadaan sama ada ketika berada di tempat sendiri mahupun ketika bermusafir. Mujāhid pula berpendapat gadaian hanya harus ketika bermusafir sahaja meskipun tiada penulis⁴², manakala al-Daḥḥāk dan sebagian ulama' Zahiriyyah berpendapat gadaian hanya harus ketika bermusafir dan ketika ketiadaan penulis sahaja.⁴³

2.4 Objektif Gadaian Dalam Islam

Objektif gadaian dalam islam antara lain adalah:

1. Merupakan salah satu bentuk konsep muamalah yang bebas dari unsur muamalah dan selari dengan kehendak hukum Islam.
2. Ianya memiliki tujuan mulia untuk memberikan pertolongan kepada sesama ummat yang memerlukan dengan *marḥūn* sebagai jaminan, dengan tujuan bukan untuk kepentingan mencari keuntungan sahaja.

⁴¹ Muwaffaq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Qudāmah (1972), *al-Mughnī*, j. 4, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 367; Burhān al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī ibn Abū Bakar ibn 'Abd al-Jalīl al-Rushdānī al-Marghinānī (t.t.), *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadi*, j. 4, Kaherah.

⁴² Abū Bakar ibn 'Abd Allāh ibn al-'Arabī, (t.t.), *Aḥkām al-Qurān*, J. 4, Beirut: Dār-al Kutub al-'Ilmiyyah, h. 343.

⁴³ Mubāarak ibn Muḥammad ibn Ḥamad al-Da'ilaj (2000), *al-Rahn fi al-Fiqh al-Islāmī*, cet.1, Riyāḍ: Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah, h. 74.

3. Meletakkan tanggungjawab sosial ke atas peminjam dan pemberi pinjaman yang mana ianya hanya menggunakan konsep upah perniagaan yang dibenarkan oleh Islam.
4. Memberikan panduan yang syumul antara sifat-sifat komersial dan amal jariah, adil dan tidak membebankan peminjam.
5. Meningkatkan sifat amanah kepada pengusaha, iaitu menyimpan barang tersebut dengan baik.
6. Transaksi perniagaan yang lebih telus iaitu bersandarkan kepada harga semasa barang gadaian (emas).⁴⁴
7. Membantu masyarakat untuk mendapatkan pembiayaan untuk pelbagai usaha yang dikendaki hukum syariah, sehingga ianya berguna untuk pembangunan ekonomi masyarakat luas.⁴⁵
8. Ianya merupakan saluran yang efektif untuk membantu mereka yang memerlukan wang dengan segera dengan berasaskan pada konsep Syariah.

2.5 Peranan Gadai Syariah Dalam Pembangunan

Kejayaan pembangunan ditentukan penyertaan dan kerjasama yang baik, antara nama kerajaan, pengusaha (swasta), dan masyarakat. Masyarakat untuk menyertai dalam pembangunan ekonomi, sering dihadapkan dengan masalah pembiayaan, baik untuk keperluan konsumtif atau produktif. Keperluan produktif, seperti anak sakit, yuran sekolah, bayaran kematian. Keperluan produktif seperti membeli baja untuk pertanian,

⁴⁴ Radziah Binti Yusoff, *Pelaksanaan Skim Ar-Rahnu di Bank Rakyat, Cawangna Alor Star Kedah*. Disertasi Sarjana Syariah Jabatan Fiqh dan Usul bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur: 2006, h. 71.

⁴⁵ Sasli Rais (2008), *Pegadaian Syariah, Konsep dan Sistem Operasional: Suatu Kajian Kontemporer*, Jakarta: UI Press, h. 42.

modal usaha ataupun memanfaatkan peluang usaha untuk perniagaan, membeli bahan utama untuk industri, dan lain-lain.⁴⁶

Gadai Syariah pada prinsipnya, sebagai sebahagian daripada sistem kewangan dalam pelindung ekonomi negara yang mempunyai peranan, terutama dalam perkhidmatan-perkhidmatan di sektor kewangan. Kerana gadaian Syariah merupakan sebahagian dari institusi bukan bank tidak dibenarkan dalam usaha untuk mengumpul dana langsung dari masyarakat dalam bentuk tabungan, gadai Syariah kerana itu hanya diberi kuasa untuk memberikan pinjaman kepada (pelanggan) awam.⁴⁷

Mengikut masyarakat berpendapatan rendah dan para pengusaha kecil sangatlah memerlukan adanya institusi pembiayaan yang mempunyai pejabat yang terdapat di pelbagai tempat dan dapat memberikan pembiayaan dengan cara-cara sederhana dan sesuai dengan tingkat kemampuan (golongan ekonomi) dan pengetahuan mereka.⁴⁸

Pembangunan Gadaian Islam memiliki peranan besar dalam kehidupan awam, khususnya untuk kelas menengah ke bawah. Sebagaimana ungkapan yang selalu disampaikan pihak gadai Syariah, yaitu 'Mengatasi Masalah Sesuai Syariah'. Dengan prosedur sederhana, mudah dan cepat, sehingga dana dapat diajukan untuk digunakan sesuai dengan keperluan.

Dengan adanya model aqad yang ada, terutama untuk tujuan yang produktif, seperti '*aqad rahn, muḍhārabah dan bai' muqoyyadah* mahupun *musyārahah*, maka gadai Syariah dapat duguna pakai untuk menggerakkan usaha ekonomi kecil dan menengah (UKM), agar mereka lebih cepat tumbuh dan berkembang. Dengan cara itu, maka sektor hartanah dapat tumbuh dengan baik dan cepat, hal ini sangat diperlukan

⁴⁶ Iin Endang Mardiani, Analisis Faktor Penentu Perkembangan Pegadaian di Jawa Tengah, Thesis Program Pascasarjana Universitas Indonesia, Jakarta:1994, h. 34.

⁴⁷ Dahlan Siamat, *Manajemen Lembaga Kewangan*, Edisi 2, Cetakan 2, Lembaga Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, Jakarta: 2001, h. 21.

⁴⁸ Iin Endang Mardiani, *op.cit.*, h. 35.

dalam usahanya untuk mengurangi jumlah orang-orang yang tidak bekerja serta meningkatkan pembangunan ekonomi nasional secara makro dan mikro.

2.6 Usaha Kecil Menengah

Usaha kecil, mikro dan menengah merupakan salah satu sektor yang telah dibangun untuk pembangunan ekonomi suatu masyarakat. Usaha mikro, kecil dan menengah ini perlu dikuasakan sebagai bahagian kesatuan ekonomi rakyat yang mempunyai kedudukan, peranan dan potensi strategik yang berpotensi dalam mencipta ekonomi yang lebih seimbang, berkembang dan berkeadilan.

Untuk keperluan penelitian ini, yang merupakan salah satu faktor adanya peranan serta Gadaian Syariah Batam dalam pemberdayaan dan peningkatan usaha mikro, kecil dan sederhana. Maka akan dibincangkan di muka makna dan kriteria setiap perniagaan dari masing-masing usaha.

2.6.1 Kriteria Usaha Mikro, Kecil Dan Menengah (UMKM) Dan Permasalahannya

2.6.1.1 Pengertian Usaha Mikro, Kecil dan Menengah⁴⁹

2.6.1.1 Usaha Mikro

Pengertian dari usaha mikro sebagaimana dimaksud menurut Keputusan Menteri Kewangan No.40/KMK.06/2003 tarikh 29 Januari 2003, iaitu usaha produktif milik

⁴⁹ <http://www.usaha-umkm.com>, waktu pengambilan data hari kamis 4hb Dec 2008, pukul 11.00 wib

keluarga atau individu Warga Negara Indonesia dan mempunyai hasil penjualan paling banyak Rp.100.000.000,00 (seratus juta rupiah) per tahun. Usaha mikro dapat mengajukan kredit kepada bank paling banyak Rp.50.000.000,00 -. Selain dalam keputusan menteri kewangan, sekatan mengenai usaha mikro juga terdapat dalam undang-undang Nombor 20 Tahun 2008 tentang Usaha mikro, kecil dan Menengah yang memansuhkan undang-undang dahulu iaitu undang-undang Nombor 1995 tentang Usaha Kecil.

Perbezaan antara kedua-dua undang-undang ini sangat jelas, iaitu dalam Undang-undang dahulu jenis usaha yang ditetapkan hanya sebatas usaha kecil saja, sehingga tidak meliputi usaha mikro dan usaha menengah yang perkembangannya pun sama dengan usaha kecil, sehingga diperlukan tatacara yang lebih baik

Undang-undang ini memberikan sekatan mengenai Usaha Mikro sebagai usaha produktif milik orang perorangan dan atau badan usaha perorangan yang memenuhi kriteria sebagai berikut⁵⁰:

1. Memiliki kekayaan bersih paling banyak Rp. 50.000.000 (lima puluh juta rupiah) tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha; atau
2. Memiliki hasil penjualan tahunan paling banyak Rp. 300.000.000 (tiga ratus juta rupiah)

Undang-undang ini hanya memberikan sekatan berasaskan kekayaan bersih dan hasil jualan tahunan, sedangkan sebenarnya faktor pengukurnya bukan sahaja hal tersebut, tetapi juga dapat dinilai melalui aspek lain yang juga menyokong terlaksananya usaha mikro.

⁵⁰ Pasal 6 UU No. 20 Tahun 2008 tentang Usaha Mikro, Kecil dan Menengah

Berikut adalah ciri-ciri usaha mikro yang biasa dipakai oleh komunitas pengusaha usaha mikro, kecil dan menengah.

2.6.1.1.1 Ciri-ciri usaha mikro;⁵¹

- 1) Jenis barang/komoditi usahanya tidak selalu tetap, bila-bila masa boleh berganti.
- 2) Tempat usahanya tidak selalu menetap, sewaktu-waktu dapat pindah tempat.
- 3) Belum melakukan pentadbiran kewangan yang mudah sekalipun, dan tidak memisahkan kewangan keluarga dengan kewangan usaha.
- 4) Sumber daya manusianya (pengusahanya) belum memiliki jiwa wirausaha yang memadai.
- 5) Tingkat pendidikan rata-rata relatif sangat rendah.
- 6) Umumnya belum akses kepada perbankan, tetapi sebahagian dari mereka sudah akses kepada institusi kewangan bukan bank.
- 7) Umumnya tidak memiliki izin usaha atau persyaratan perundangan lainnya termasuk NPWP (Nombor Peserta Wajib Pajak).

Dilihat dari beberapa ciri di atas, maka dapat diberikan penilaian bahwa usaha mikro adalah usaha yang masih sangat sederhana sekali dilihat dari sumber daya manusia yang digunakan dan juga belum memiliki sistem kewangan yang baik walaupun itu merupakan satu perkara yang mudah

Sehingga sepertinya usaha mikro ini akan sulit untuk mendapatkan bantuan pelaburan dari institusi perbankan yang mempunyai syarat yang cukup rigid untuk mendapatkan kredit usaha. Sehingga usaha mikro hanya dimungkinkan untuk

⁵¹ <http://www.usaha-umkm.com>, waktu pengambilan data hari kamis 4hb Dec 2008, pukul 11.00 WIB.

mendapatkan tambahan pelaburan dari institusi kewangan bukan-bank, misalnya institusi Gadaian dengan menjaminkan sebahagian harta yang dimilikinya. Oleh kerana itu, jenis usaha seperti inilah yang memerlukan pembinaan dan latihan, sehingga dapat meningkat sebagai satu usaha yang layak untuk mendapatkan kredit usaha

2.6.1.1.2 Usaha Kecil.

Jenis usaha lain yang ditetapkan dalam undang-undang ini adalah usaha kecil, yang sebelumnya ditetapkan berasaskan Undang-undang No. 9 tahun 1995 tentang Usaha kecil. Sebelumnya akan diberikan definisi berasaskan undang-undang sebelumnya untuk dapat dibandingkan dengan undang undang yang berlaku saat ini.

Usaha Kecil sebagaimana dimaksud Undang-undang No.9 Tahun 1995 adalah usaha produktif yang berskala kecil dan memenuhi kriteria kekayaan bersih paling sebanyak Rp200.000.000,00 (dua ratus juta rupiah) tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha atau memiliki hasil penjualan paling banyak Rp1.000.000.000,00 (satu milyar rupiah) per tahun serta dapat menerima kredit dari bank maksimum di atas Rp50.000.000,- (lima puluh juta rupiah) sampai dengan Rp.500.000.000,- (lima ratus juta rupiah). Sedangkan undang-undang nomor 20 tahun 2008, hanya memberikan pembatasan sebagai usaha ekonomi produktif yang berdiri sendiri yang dilakukan oleh orang perseorangan atau badan usaha yang bukan merupakan anak syarikat atau bukan Cawangan syarikat yang dimiliki, dikuasai atau menjadi bagian langsung atau tidak secara langsung dari usaha menengah atau usaha besar berasaskan kriteria sebagai berikut⁵²:

⁵² Pasal 6 ayat 2 UU Nomor 20 tahun 2008.

1. Memiliki kekayaan bersih lebih dari Rp. 50.000.000.- (lima puluh juta rupiah) sampai paling banyak Rp. 500.000.000 (lima ratus juta rupiah) tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha, atau
2. Memiliki hasil penjualan tahunan lebih dari RP. 300.000.000 (tiga ratus juta rupiah) sampai paling banyak Rp. 2.500.000.000 (dua milyar lima ratus juta rupiah),

Hal ini dapat dibandingkan bahwa definisi yang diberikan pada undang undang sebelumnya juga memberikan batasan jumlah kredit yang dapat diperoleh dari lembaga perbankan sesuai dengan kekayaan bersih dan jualan tahunan yang ada.

Berbeda dengan undang-undang yang baru hanya memberikan kriteria berdasarkan kekayaan bersih dan jualan tahunan yang ada. Berdasarkan pendapat penyidik, bahwa sekatan tidak diberikan oleh pembuat undang-undang mungkin dimaksudkan untuk memberikan keleluasaan kepada pihak perbankan untuk dapat menilai usaha kecil tersebut berkenaan dengan kredit yang diberikan. Hal ini dikarenakan syarat pengajuan kredit tidak hanya didasarkan pada kekayaan dan hasil jualan tahunan tetapi juga terdapat hal lain yang menjadi aspek penilaian pengajuan kredit. Seperti modal, jaminan dan juga ciri-ciri dari masing-masing usaha. Sehingga dari persyaratan tersebut, pihak perbankan akan yakin dan dapat memberikan kredit usaha dengan lancar. Selain definisi tersebut, sama halnya dengan usaha mikro, usaha kecil juga memiliki ciri-ciri lain dilihat dari faktor lain. Ciri-ciri tersebut adalah sebagai berikut⁵³:

1. Jenis barang/komoditi yang diusahakan umumnya sudah tetap tidak mudah berubah.
2. Lokasi/tempat usaha umumnya sudah menetap tidak berpindah-pindah.

⁵³ <http://www.usaha-umkm.com>, waktu pengambilan data hari Kamis 4 Desember 2008, pukul 11.00 WIB.

3. Pada umumnya sudah melakukan pentadbiran kewangan walau masih sederhana, kewangan syarikat sudah mula dipisahkan dengan kewangan keluarga, sudah membuat neraca usaha.
4. Sudah mempunyai kebenaran usaha dan keperluan perundangan lainnya termasuk NPWP.
5. Sumber manusia (pengusaha) memiliki pengalaman dalam berwira usaha.
6. Sebagian sudah akses kepada perbankan dalam hal keperluan modal.
7. Sebagian besar belum dapat membuat pengurusan perniagaan dengan baik seperti perancangan perniagaan.

Dilihat dari ciri-ciri di atas, maka dapat dibandingkan dengan usaha mikro, usaha kecil sudah lebih baik dalam pelbagai segi, dari segi barang komoditi yang sudah tetap akan lebih meningkatkan produktiviti daripada usaha tersebut, kerana hal tersebut akan berpengaruh pada pemenuhan alat pengeluaran dan juga inovasi dan pembangunan dari usaha tersebut yang lebih tertumpu pada satu komoditi. Dari segi sistem kewangan sudah mulai baik walaupun masih sangat sederhana tetapi sudah mula memisahkan antara kekayaan keluarga dan kekayaan usaha, sehingga dengan sistem kewangan yang lebih baik dan juga pencatatan yang baik kemungkinannya lebih besar bagi usaha kecil untuk mendapatkan tambahan modal dari institusi kewangan seperti perbankan. Sedangkan yang masih menjadi kelemahan dari usaha kecil ini adalah, belum adanya suatu sistem pentadbiran yang baik yang salah satunya terdiri daripada perancangan. Hal ini akan berpengaruh pada target market yang akan ditempuh dan juga sistem pemasaran usaha tersebut⁵⁴.

⁵⁴ <http://www.usaha-umkm.com>, waktu pengambilan data hari kamis 4hb Dec 2008, pukul 11.00 WIB.

2.6.1.1.3.Usaha Menengah

Usaha Menengah sebagaimana dimaksud Inpres No.10 tahun 1998 adalah usaha bersifat produktif yang memenuhi kriteria kekayaan usaha bersih lebih besar dari Rp200.000.000,00 (dua ratus juta rupiah) sampai dengan paling banyak sebesar Rp10.000.000.000,00, (sepuluh milyar rupiah) tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha serta dapat menerima kredit dari bank sebesar Rp.500.000.000,00 (lima ratus juta rupiah) s/d Rp.5.000.000.000,00 (lima milyar rupiah). Sedangkan definisi yang diberikan oleh Undang-undang Nomor 20 tahun 2008 tentang usaha mikro, kecil dan menengah, usaha menengah adalah usaha ekonomi produktif yang berdiri sendiri, yang dilakukan oleh orang perseorangan atau badan usaha yang bukan merupakan anak syarikat atau Cawangan syarikat yang dimiliki, dikuasai atau menjadi bagian baik langsung maupun tidak langsung dengan usaha kecil atau usaha besar dengan kriteria sebagai berikut⁵⁵:

- 1 Memiliki kekayaan bersih lebih dari Rp. 500.000.000,00 (lima ratus juta rupiah) sampai dengan paling banyak Rp. 10.000.000.000 (sepuluh bilion rupiah) tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha.
- 2 Memiliki hasil penjualan tahunan lebih dari Rp. 2.500.000.000,00 (dua bilion lima ratus juta rupiah) sampai dengan Rp. 50.000.000.000 (lima puluh milyar rupiah).

Sama halnya dengan usaha kecil dalam mendefinisikan usaha menengah undang-undang ini juga tidak memberikan sekatan kredit yang boleh diberikan kepada usaha menengah, selain memberikan kebebasan pada pihak perbankan untuk menilai selain itu dalam usaha menengah ini kemungkinan diberikan kredit oleh pihak perbankan semakin besar, hanya kembali pada pihak pengusaha untuk dapat

⁵⁵ Pasal 6 ayat 3 UU Nomor 20 tahun 2008

membuktikan bahwa usahanya layak untuk mendapatkan tambahan modal dari perbankan berupa kredit usaha

Berikut ciri-ciri dari usaha menengah⁵⁶:

1. Pada umumnya telah memiliki pengurusan dan organisasi yang lebih baik, lebih teratur bahkan lebih moden, dengan pembahagian tugas yang jelas antara lain, bahagian kewangan, bahagian pemasaran dan bagian pengeluaran.
2. Telah melakukan pengurusan kewangan dengan melaksanakan sistem perakaunan dengan teratur, sehingga memudahkan untuk pengauditan dan penilaian atau pemeriksaan termasuk oleh perbankan.
3. Telah melakukan aturan atau pengurusan dan organisasi pekerja, telah ada Jaminan sosial tenaga kerja, pemeliharaan kesehatan dll.
4. Sudah mempunyai segala persyaratan perundangan antara lain izin jiran, izin usaha, izin tempat, NPWP, upaya pengurusan persekitaran dll.
5. Sudah akses kepada sumber-sumber pembiayaan perbankan.
6. Pada umumnya telah memiliki sumber daya manusia yang terlatih dan terdidik.

Dari pelbagai aspek, usaha menengah adalah usaha yang sudah sangat lebih baik berbanding usaha mikro dan kecil. Dalam segi pengurusan, usaha menengah sudah memiliki pengurusan yang baik, sedangkan dari sistem kewangan juga sudah menggunakan sistem perakaunan yang baik, sempurna dalam pengurusan sehingga usaha menengah ini juga berani untuk diaudit oleh kumpulan perakaunan apabila memang hal tersebut diperlukan dalam hal pemberian kredit oleh pihak perbankan. Sedangkan dari segi sumber daya manusia sudah sangat memiliki sumber daya manusia yang berkualiti dan dapat diposisikan sesuai dengan keahliannya dalam usaha ini.

⁵⁶ <http://www.usaha-umkm.com>, waktu pengambilan data hari kamis 4hb Dec 2008, pukul 11.00 WIB.

Sumber daya manusia yang berkualiti akan melahirkan suatu pemikiran-pemikiran yang inovatif dan peningkatan usaha menjadi lebih baik.

2.6.1.2 Kriteria Usaha Mikro, Kecil Dan Menengah

Jadual 2.1

Kriteria Usaha Mikro, Kecil Dan Menengah digolongkan berasaskan jumlah aset dan Pendapatan yang dimiliki oleh sebuah usaha⁵⁷.

No	Usaha	Kriteria	
		Asset	Pendapatan
1	Usaha Mikro	Maks. 50 Juta	Maks. 300 Juta
2	Usaha Kecil	> 50 Juta – 500 Juta	> 300 Juta – 2,5 Bilion
3	Usaha Menengah	> 500 Juta – 10 Bilion	> 2,5 Miliar – 50 Bilion

Sumber: BisInfocus, Profil Usaha Kecil dan Menengah di Indonesia

Berasaskan jadual di atas, maka dapat difahami bahawa yang dimaksud Usaha Mikro adalah jika Aset maksimum 50 Juta, dan pendapatan dalam setahun maksimum 300 juta. Usaha kecil adalah jika aset maksimum 500 juta dan pendapatan dalam setahun maksimum 2,5 bilion. Adapun dimaksud usaha menengah jika aset maksimum 10 bilion dan pendapatan setahun maksimum 50 bilion.

2.6.1.3 Perkembangan UKM

Usaha Kecil dan Menengah (UKM) sememangnya diakui sebagai kekuatan strategis dan penting untuk mempercepat pembangunan daerah, oleh kerana pertumbuhan Usaha

⁵⁷ Konsep ini diambil dari BisInfocus (2004), *Profil Usaha Kecil dan Menengah di Indonesia*, PT Bisinfokus Data Pratama, Jakarta.

Kecil dan Menengah setiap tahun mengalami peningkatan, jumlah UKM di Indonesia pada tahun 2008 sebanyak 48.9 Juta unit, dan terbukti memberikan sumbangan sebanyak 53.28% terhadap PDK (Produk Domestik Kasar) dan 96.18% terhadap penyerapan tenaga kerja. Selain itu, selama 2005-2008, laju pertumbuhan Produk Domestik Kasar UKM dengan minyak dan gas dan tanpa minyak dan gas tidak berbeza jauh.

Sepanjang 2005-2008 keseluruhan pertumbuhan Produk Domestik Kasar minyak dan gas UKM masing-masing: 5.61%; 5.52%; 5.97%; dan 5.40%, sedangkan pertumbuhan tanpa minyak dan gas masing-masing: 5.62%; 5.55%; 5.99%; dan 5.41%.

Jika dibandingkan dengan pertumbuhan Produk Domestik Kasar usaha besar, dengan minyak dan gas masing-masing: 3.77%; 4.42%; 5.32% dan 5.60% sedangkan tanpa minyak dan gas masing-masing: 5.81%; 6.64%; 7.49%; dan 7.17%.

Berasaskan data pertumbuhan Produk Domestik Kasar selama 4 (empat) tahun di atas, tampak bahwa dengan minyak dan gas pertumbuhan UKM lebih baik daripada pertumbuhan usaha besar, walaupun pertumbuhan Produk Domestik Kasar usaha besar cenderung meningkat terus setiap tahunnya. Jika diteliti dari laju Produk Domestik Kasar tanpa minyak dan gas, pertumbuhan Produk Domestik Kasar usaha besar lebih cepat berbanding pertumbuhan Produk Domestik Kasar UKM. Ini menunjukkan pertumbuhan Produk Domestik Kasar minyak dan gas yang umumnya dikelola oleh usaha besar mengalami penurunan setiap tahunnya.

Berasaskan data tersebut di atas, bermakna kita tidak boleh mengabaikan peranan penting UKM nasional maupun peranannya di daerah. UKM memiliki posisi penting, bukan saja dalam penyerapan tenaga kerja dan kesejahteraan masyarakat di daerah, dalam banyak hal mereka dapat menghilangkan masalah kesenjangan sosial.

Oleh kerananya, maka perlu upaya untuk menumbuhkan keadaan kondusif untuk perkembangan UKM dalam pembangunan daerah⁵⁸.

2.6.1.4 Pengertian Kredit Gadai

Istilah kredit, berasal dari suatu kata dalam bahasa latin yang berbunyi *Credere*, yang berarti “kepercayaan”. Atau *Credo*, yang artinya saya percaya. Dalam suatu pemberian kredit di dalamnya terkandung adanya kepercayaan orang atau badan yang memberikannya pada orang lain atau badan yang memberinya, dengan ikatan perjanjian harus memenuhi segala kewajiban yang diperjanjikan untuk dipenuhi pada waktunya.⁵⁹

Menurut Undang-Undang Nombor 14 tahun 1997 tentang pokok-pokok perbankan, yang dimaksud kredit adalah sebagai berikut: Kredit adalah penyediaan wang atau yang dapat dipersamakan dengan itu berasaskan persetujuan pinjam-meminjam antara Bank dengan pihak lain dalam hal mana pihak peminjam berkewajiban melunasi utangnya setelah jangka waktu tertentu dengan jumlah faedah yang telah ditetapkan.⁶⁰

Dari kedua definisi di atas, maka dapat disimpulkan bahwa kredit adalah penyediaan wang oleh suatu badan usaha atau seseorang untuk suatu kegiatan berasaskan persetujuan pinjam-meminjam dengan memberikan kepercayaan kepada debitur untuk sanggup memenuhi segala sesuatu yang telah dijanjikan dalam jangka waktu tertentu dengan membayar bunga pinjaman.

⁵⁸ Diolah berasaskan Data Badan Pusat Statistik Indonesia Periode 2004-2008

⁵⁹ Hadiwijaya, Rivai Wirasmita. 2000. *Analisa Kredit*. Bandung: Pionir Jaya, h. 4

⁶⁰ Suyatno, Thomas.1999. *Dasar – dasar Perkreditan*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama,h.13

2.6.1.5 Unsur-unsur Kredit

Berasaskan huraian di atas dikatakan bahwa kredit yang diberikan oleh institusi kredit didasarkan atas kepercayaan sehingga dengan demikian pemberian kredit merupakan pemberian kepercayaan. Ini berarti bahawa suatu institusi kredit baru akan memberikan kredit kalau ia betul-betul yakin bahwa si penerima kredit akan mengembalikan pinjaman yang diterimanya sesuai dengan jangka waktu dan syarat yang telah disetujui oleh kedua belah pihak. Tanpa keyakinan tersebut suatu institusi kredit tidak akan memberikan kreditnya kepada pihak lain. Dengan demikian unsur-unsur yang terdapat dalam kredit yaitu:

- a) Adanya orang atau badan yang memiliki wang, barang atau perkhidmatan, dan bersedia untuk meminjamkannya pada pihak lain. Biasanya disebut Kreditur.
- b) Adanya orang atau badan sebagai pihak yang memerlukan atau meminjam wang, barang, atau perkhidmatan biasanya disebut penghutang.
- c) Adanya kepercayaan pemberi hutang terhadap penghutang.
- d) Adanya janji dan kesanggupan membayar dari penghutang pada pemberi hutang.
- e) Adanya perbezaan waktu, yaitu perbezaan antara saat penyerahan wang, barang atau jasa, oleh keditur dengan saat pembayaran kembali oleh debitur.
- f) Adanya resiko, sebagai akibat adanya perbezaan waktu kerana terbayang jelas ketidakpastian (*Uncertainty*) untuk masa yang akan datang.⁶¹

2.6.1.6 Fungsi Kredit

Suatu kredit mencapai fungsinya, apabila secara sosial ekonomis baik bagi penghutang, pemberi hutang, maupun masyarakat membawa pengaruh yang lebih baik. Bagi pihak

⁶¹ Hadiwijaya (2000), *op.cit.*, h. 4.

penghutang dan pemberi hutang, mereka memperoleh keuntungan, juga mengalami peningkatan kesejahteraan, sedangkan bagi Negara mengalami tambahan penerimaan Negara dari pajak, juga kemajuan ekonomi yang bersifat mikro maupun makro

Fungsi utama dari kredit adalah untuk memenuhi khidmat keperluan masyarakat dalam rangka mendorong dan melancarkan pembangunan, produksi dan perkhidmatan bukan produksi, yang semuanya itu ditujukan untuk meningkatkan taraf hidup manusia.

Fungsi kredit dijalankan, untuk pelbagai keuntungan:

- a) Kredit dapat memajukan arus alat tukar barang dan perkhidmatan.
- b) Kredit dapat mengaktifkan alat pembayaran.
- c) Kredit dapat dijadikan alat pengendalian harga.
- d) Kredit dapat menciptakan alat pembayaran baru.
- e) Kredit dapat meningkatkan pendapatan masyarakat.
- f) Kredit dapat mengubah cara berpikir/bertindak masyarakat untuk lebih ekonomi.
- g) Kredit dapat meningkatkan semangat berusaha masyarakat.
- h) Kredit dapat mengaktifkan dan meningkatkan faedah-faedah atau kegunaan potensi-potensi ekonomi yang ada.⁶²

2.6.1.7 Tujuan Kredit

Pemberian kredit dimaksudkan untuk memperoleh keuntungan, maka bank hanya boleh meneruskan simpanan masyarakat kepada pelanggannya dalam bentuk kredit, jika ia betul-betul merasa yakin bahwa pelanggan yang menerima kredit itu mau dan mampu mengembalikan kredit yang telah diterimanya. Dari faktor kemauan dan kemampuan

⁶² Hadiwijaya (2000), *op.cit.*,h. 8.

tersebut, tersimpul unsur keamanan (*safety*) dan keuntungan (*profitability*) dari suatu kredit. Dengan demikian tujuan kredit adalah sebagai berikut:

- a) Turut menyokong program pemerintah di bidang ekonomi dan pembangunan.
- b) Meningkatkan aktiviti syarikat agar dapat menjalankan fungsinya guna menjamain terpenuhinya keperluan masyarakat.
- c) Memperolehi laba agar kelangsungan hidup syarikat terjamin, dan dapat memperluas usahanya.⁶³

2.6.1.8 Pengertian Kredit Usaha Kecil Menengah

Pengertian kredit gadai adalah pemberian pinjaman (kredit) dalam jangka waktu tertentu kepada pelanggan atas dasar hukum gadaian dan persyaratan tertentu yang telah ditetapkan oleh syarikat. Pelanggan dapat menyelesaikan pinjamannya kepada syarikat (Gadaian) sebagai pemberi pinjaman, dengan cara mengembalikan wang pinjaman dan membayar sewa modal atau bunga pinjaman yang berlaku.⁶⁴

2.6.1.9 Tujuan dan Kegunaan Kredit Gadai

Perusahaan Umum Gadaian memberikan kebebasan kepada pelanggan untuk mempergunakan kredit yang diterima. Pemberian kredit gadai menurut Pejabat Pusat Perusahaan Umum Gadaian diharapkan dapat membantu masyarakat untuk digunakan sebagai berikut:

- a) Menambah modal kerja.

⁶³ Thomas Suyatno (1999), *Dasar-Dasar Perkreditan*, Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, h. 15.

⁶⁴ Kantor Pusat Perum Pegadaian. (1998), *Pedoman Oprasional Kantor Cabang*, Jakarta: Kantor Pusat Perum Pegadaian III B. I.

- b) Biaya pendidikan.
- c) Biaya ubatan.
- d) Keperluan lain yang diterima.

2.6.1.10 Mengoptimalkan Peranan Gadaian Syariah Sebagai Instrumen Kredit UKM

Gadaian Syariah adalah merupakan salah satu agen pembangunan . Gadai Syariah pada prinsipnya, sebagai sebahagian daripada sistem kewangan dalam kain ekonomi negara yang mempunyai peranan, terutama dalam perkhidmatan-perkhidmatan di sektor kewangan. Kerana gadai Syariah merupakan sebahagian dari institusi bukan bank tidak dibenarkan dalam usaha untuk mengumpul dana langsung dari masyarakat dalam bentuk tabungan, gadai Syariah kerana itu hanya diberi kuasa untuk memberikan pinjaman kepada (pelanggan) awam. Adanya Gadaian Syariah diharapkan dapat memenuhi keperluan dana bagi masyarakat guna menunjang keperluan mereka dan ikut serta menjalankan proses pembangunan.

Sebagaimana dimaklumi, bahwa sektor ekonomi di Indonesia secara faktual sebagian besar didukung oleh sektor usaha kecil dan menengah atau sering dikenal UKM. Pada saat krisis ekonomi pun ternyata sektor ini mampu tetap bertahan, artinya sektor UKM mempunyai keunggulan dan sangat potensial untuk lebih dikembangkan lagi melalui suatu kebijakan yang tepat dan dukungan dari institusi yang tepat. Adapun permasalahan utama yang dihadapi oleh sektor UKM adalah berupa permodalan, di mana kadang-kadang dalam memperoleh modal dari bank mengalami kesulitan. Salah satu hal yang menyebabkan adanya hal ini adalah adanya suku bunga kredit yang tinggi dan diperlukannya jaminan kebendaan yang sukar dipenuhinya.

Dengan semakin berkembangnya sektor kewangan Syariah, maka diharapkan dapat lebih membantu perkembangan UKM ini. Dengan kemudahan pinjaman melalui agunan barang pada Gadaian Syariah, maka sektor UKM akan dapat tertolong untuk memenuhi perbagai keperluan modal usaha.

Tidaklah di ragukan, bahawa dalam pembangunan nasional, UKM adalah bagian dunia usaha yang merupakan kegiatan ekonomi rakyat yang mempunyai kedudukan, potensi, dan peranan yang strategik untuk mewujudkan struktur perekonomian nasional yang seimbang berasaskan demokrasi ekonomi.

Sebagaimana telah disebutkan di atas bahwa kelangsungan suatu kegiatan usaha perlu didukung oleh permodalan dan sumber daya manusia yang memadai. Namun dalam amalannya UKM seringkali kesulitan dalam mendapatkan sumber dana, satu dan lain hal kerana bunga pinjaman yang tinggi dan berasaskan analisis kredit khususnya yang berkaitan dengan jaminan “dianggap” tidak memenuhi.

Dengan demikian Gadaian Syariah sebagai institusi kewangan yang juga membawa misi sosial (*tabarru'*) sudah sepantasnya mampu memberikan kontribusi bagi pengembangan sektor UKM dimaksud. Untuk kepentingan UKM, pihak Gadaian Syariah hendaknya mampu secara cermat mengetahui keperluan nyata yang ada pada UKM yang bersangkutan. Hal ini penting untuk menyokong pembangunan ekonomi secara berkeadilan

Sebagai bahagian agen dari pembangunan, maka sudah sampai masanya bagi pihak Gadaian Syariah menjalankan peranannya sebagai instrumen kredit usaha kecil menengah (UKM), yang tidak hanya berpihak pada golongan ekonomi menengah ke atas, tetapi ia juga mampu menjalankan fungsinya sebagai institusi intermediasi kewangan untuk masyarakat mislin. UKM sebagai sektor usaha yang dimiliki oleh

masyarakat kebanyakan hendaknya diberikan kesempatan untuk mendapatkan kemudahan kredit, tentu saja tanpa meninggalkan konsep Syariah, sehinggalah masing-masing pihak mendapatkan manfaat dan keuntungan secara lebih adil.

BAB TIGA
GADAIAN SYARIAH CAWANGAN WILAYAH BATAM,
KEPULAUAN RIAU INDONESIA

3.1 Pendahuluan

Kewujudan Gadaian Syariah pada awalnya didorong oleh berkembangnya institusi kewangan Syariah. Selain itu, masyarakat Indonesia yang menjadi pelanggan Gadaian pada umumnya adalah umat Islam, sehingga dengan kewujudan Gadaian Syariah ini akan memperluas pasaran Gadaian, dan pelanggan pula akan merasa aman kerana akad yang bersesuaian dengan syariah islam, yang bermakna pinjaman yang dilakukan adalah pinjaman tanpa bunga dan halal

3.1.1 Perkembangan Gadaian Syariah

Gadaian Syariah merupakan hasil kerjasama PERUM Gadaian dengan BMI pada 14hb Mei 2002, dengan modal awal Rp.1.550,000 dan kemudian ada penambahan dana Rp.24.435,000 untuk perluasan jaringan Gadaian Syariah di Indonesia, sehinggalah jumlah pembiayaannya Rp.25.985,000,000. Pembiayaan ini merupakan skim *musyarakah*. Nisbah bagi hasil yang disepakati antara BMI dan PERUM Gadaian ialah 50%:50%, yang akan ditinjau setiap 6 bulan sekali dengan cara pembayaran bulanan untuk jangka masa pembiayaan selama 12 bulan.

Kerjasama ini dengan maksud untuk membina sinergi atau potensi yang dimiliki bersama untuk pengembangan gadai Syariah. Secara bersama BMI dan PERUM Gadaian akan mengupayakan pelaksanaan sosialisasi dan penyediaan sarana gadai

Syariah kepada masyarakat. Dalam usaha penyaluran wang pinjaman sebagai kegiatan utamanya.

Hingga masa sekarang perkembangan institusi Gadaian Syariah ibarat cendawan pada musim hujan, seiring dengan perkembangan Gadaian konvensional walaupun secara kuantiti pejabat rangkaian, pelanggan, pendapatan, dan keuntungan masih belum besar. Namun perkembangannya patut diambil kira khasnya dengan adanya asas pengurusan di beberapa daerah pejabat rangkaian Gadaian konvensional ditukar semuanya menjadi pejabat rangkaian Gadaian Syariah sebagaimana yang ada di wilayah Nanggroe Aceh Darussalam (NAD).

Kini kewujudan Gadaian Syariah ini di Indonesia sudah memasuki tahun ke-7, sejak dilancarkan pada Januari 2003. Beberapa kemajuan sudah diraih walaupun sudah tentu tidak terlepas dari kekurangan. Namun, secara umum perkembangannya cukup memberangsakan bagi institusi kewangan Syariah di Indonesia.

Perkembangan Gadaian Syariah hingga akhir Februari 2009, jumlah pembiayaan mencapai Rp 1.6 trilion dengan jumlah pelanggan 600 ribu orang; Jumlah pejabat cawangan berjumlah 120 buah, walaupun keadaan ini masih lebih kecil dibandingkan dengan pejabat cawangan Gadaian Konvensional yang berjumlah 3.000 buah, yang bermaksud baru 4% sahaja. Diharapkan pada tahun 2009 ini, besarnya pembiayaan sebesar Rp 2.8 trilion dan jumlah pejabat cawangan Gadaian Syariah menjadi 300 buah (Harian Republika, 16 Februari 2009).

Pada tahun 2009 ini, skim pembiayaan Gadaian Syariah "produk Arrum" bagi Usaha Kecil dan Menengah (UKM) sebesar Rp 8.2 bilion, yang bermaksud lebih besar jumlahnya dari target awalnya, sebesar Rp 7.5 bilion. Gadaian Syariah pada tahun ini juga akan mengembangkan pelaburan emas dengan produk Mulia

Kewujudan Gadaian Syariah ini, diharapkan mampu mengelola usahanya dengan cara lebih profesional, tanpa meninggalkan ciri khas dan misinya, yakni memberikan pinjaman atas dasar hukum gadai Syariah dengan target pasar adalah masyarakat golongan sosial ekonomi lemah (kecil) dan dengan cara mudah, cepat, aman dan jimat, sesuai dengan mottonya '*mengatasi masalah sesuai Syariah*'⁶⁵

3.1.2 Visi dan Misi Gadaian

Gadaian Syariah saat ini belum mempunyai visi dan misi sendiri kerana masih mengikuti visi dan misi Gadaian konvensional yang menjadi induknya. Dalam visi dan misi ini harus tercapai hasil terbaik, tanpa harus menyimpang dari tujuan Gadaian yang telah ditetapkan dalam PP No. 10 Tahun 1990. Sejalan dengan perkembangan persekitaran syarikat di masa depan, Pimpinan dan seluruh kakitangan Gadaian bertekad mewujudkan visi Gadaian iaitu menjadikan tahun 2010 menjadi syarikat yang moden, dinamik, inovatif, profitabel dapat terlaksana dengan baik.

Sebagai BUMN, Gadaian membawa tugas dari pemerintah untuk ikut melaksanakan aktiviti pembangunan di sektor ekonomi, ditambah dengan kepentingan untuk mewujudkan visi, guna merumuskan misi Gadaian, iaitu :

“Ikut membantu program pemerintah dalam upaya meningkatkan kesejahteraan masyarakat golongan menengah ke bawah, melalui kegiatan utama, berupa penyaluran pinjaman/pembiayaan gadai dan melakukan usaha lain yang menguntungkan.”⁶⁶

⁶⁵ Dahlan Siamat (2001), *Manajemen Lembaga Keuangan*, Ed. 2, Cet. 2, Jakarta: Lembaga Fakulti Ekonomi Universiti Indonesia, h. 501.

⁶⁶ Tony Ronald (2001), *Analisis Kepuasan Konsumen Kotamadya Malang terhadap Jasa Kredit Gadai Perum Pegadaian Kantor Daerah X Malang*, Thesis Program Pascasarjana Universitas Indonesia, Jakarta: Program Studi Magister Manajemen, h. 50.

3.1.3 Tugas, Tujuan, dan Fungsi Gadaian

Demikian juga dengan tugas, tujuan dan fungsi Gadaian Syariah masih mengikuti syarikat induknya, Gadaian konvensional. Gadaian konvensional merupakan institusi kewangan bukan bank, yang menyalurkan pinjaman/pembiayaan dengan pengikatan cara gadai. Ada dua hal yang membuat Gadaian menjadi bentuk usaha institusi kewangan bukan bank.

1. Transaksi pembiayaan yang diberikan oleh Gadaian serupa dengan pinjaman/pembiayaan melalui bank, namun diatur secara berasingan atas dasar hukum gadai, dan bukan dengan peraturan mengenai pinjam-meminjam biasa;
2. Usaha Gadaian di Indonesia secara legal masih dimonopoli oleh hanya satu badan usaha saja, yaitu di bawah Perum Gadaian.⁶⁷

Perum Gadaian sebagai badan usaha yang memonopoli atau satu-satunya institusi formal di Indonesia yang berasaskan hukum diperbolehkan melakukan pembiayaan dengan bentuk penyaluran kredit atas dasar hukum gadai, memiliki tugas utama, yaitu untuk menyambung keperluan dana masyarakat dengan memberi wang pinjaman/pembiayaan berasaskan hukum gadai dan usaha-usaha lain yang berhubungan dengan tujuan Gadaian. Tugas tersebut untuk membantu masyarakat agar tidak terjerat dalam amalan lintah darat, atau peminjam wang lainnya, dalam usahanya untuk memenuhi kehidupan hidupnya sehari-hari.⁶⁸

Sifat usaha Gadaian pada prinsipnya menyediakan perkhidmatan bagi kemanfaatan umum, dan sekaligus memupuk keuntungan berasaskan prinsip pengurusan. Oleh kerana itu, Gadaian memiliki tujuan sebagai berikut:

⁶⁷ Y. Sri Susilo *et. al.* (2000), *Bank dan Lembaga Kewangan Lain*, Cet 1, Jakarta: Salemba Empat, h. 179.

⁶⁸ Dahlan Siamat (2001), *Manajemen Lembaga Keuangan*, Ed. 2, Cet. 2, Jakarta: Lembaga Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, h. 502.

1. Turut melaksanakan dan menunjang pelaksanaan polisi dan program pemerintah di bidang ekonomi dan pembangunan nasional pada umumnya melalui penyaluran wang pinjaman/pembiayaan atas dasar hukum gadai.⁶⁹
2. Untuk mengatasi agar masyarakat yang sedang memerlukan wang tidak jatuh ke tangan para peminjam yang bunganya relatif tinggi;
3. Mencegah amalan Gadaian gelap dan pinjaman yang tidak wajar⁷⁰

Kemudian dalam PP RI No. 103 tahun 2000, tujuan Gadaian kembali dipertegas, yaitu: meningkatkan kesejahteraan masyarakat, terutama golongan menengah ke bawah, melalui penyediaan dana atas dasar hukum gadai. Juga menjadi penyedia jasa di bidang kewangan lainnya, berasaskan ketentuan undang-undang yang berlaku, serta menghindarkan masyarakat dari gadai gelap, amalan riba, dan pinjaman yang tidak wajar lainnya⁷¹

Sedangkan fungsi utama Gadaian adalah sebagai berikut:

1. Mengelola penyaluran wang pinjaman atas dasar hukum gadai dengan cara mudah, cepat, aman, dan jimat;
2. Menciptakan dan mengembangkan usaha-usaha lain yang menguntungkan bagi institusi Gadaian maupun masyarakat;
3. Mengelola kewangan, perlengkapan, kepegawaian, pendidikan dan latihan;
4. Mengelola organisasi, tata kerja dan tata laksana Gadaian; dan
5. Melakukan penelitian dan pengembangan, serta mengawasi pengelolaan Gadaian.

⁶⁹ *Ibid.* h. 359.

⁷⁰ Kasmir (2002), *Bank dan Lembaga Keuangan Lainnya*, Ed. 6, Cet 6, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 248.

⁷¹ Marzuki Usman (1995), *Manajemen Lembaga Keuangan*, Jakarta: CV. Intermedia, h. 359.

Meskipun perkembangan Gadaian Syariah sudah cukup menggembirakan, agar dapat memilih dan menetapkan strategik dan sasaran sehingga tersusun program-program dan projek-projek yang efektif dan efisien maka diperlukan suatu analisis yang tajam dari para pelaku organisasi.

3.1.4 Kegiatan Usaha Perum Gadaian

Sesuai dengan PP 103 tahun 2000 pasal 8, Perum Gadaian melakukan kegiatan usaha utamanya dengan menyalurkan wang pinjaman atas dasar hukum gadai serta menjalankan usaha lain seperti penyaluran wang pinjaman berasaskan jaminan, layanan jasa titipan, kedai emas, industri emas dan usaha lainnya⁷². Sejalan dengan kegiatannya, Gadaian membawa misi untuk ;

1. Meningkatkan kesejahteraan masyarakat terutama golongan menengah ke bawah
2. Menghindarkan masyarakat dari gadaian gelap, amalan riba dan pinjaman tidak wajar lainnya
3. Membantu orang-orang yang memerlukan pinjaman dengan syarat mudah.
4. Ikut serta melaksanakan program pemerintah di bidang ekonomi dan pembangunan nasional dengan cara menyalurkan uang pembiayaan dan pinjaman atas dasar hukum gadai⁷³.

⁷² Y. Sri Susilo *et. al.* (2000), *Bank dan Lembaga Kewangan Lain*, Cet 1, Jakarta: Salemba Empat, h. 181

⁷³ Soemitra Andi (2009), *Bank dan Lembaga Keuangan Syariah*, Jakarta: KencanaPrenada Media Group, h. 390

3.1.5 Operasi Gadaian Syariah

Implementasi operasi Gadaian Syariah hampir serupa dengan Gadaian konvensional. Seperti halnya Gadaian konvensional, Gadaian Syariah juga menyalurkan wang pinjaman dengan jaminan barang bergerak. Prosedur untuk memperoleh kredit gadai Syariah sangat sederhana, masyarakat hanya menunjukkan bukti identitas diri dan barang bergerak sebagai jaminan, wang pinjaman dapat diperoleh dalam waktu yang tidak relatif lama (kurang lebih 15 menit saja). Begitupun untuk melunasi pinjaman, pelanggan cukup dengan menyerahkan sejumlah wang dan surat bukti rahn saja dengan waktu proses yang juga singkat.

Di samping beberapa keserupaan dari beberapa segi, jika ditinjau dari aspek landasan konsep, teknik transaksi, dan pendanaan. Gadaian Syariah memiliki ciri tersendiri yang penerapannya berbeza dengan Gadaian konvensional⁷⁴.

3.1.6 Perbezaan Gadaian Konvensional Dan Gadaian Syariah

Perbezaan yang cukup mendasar dari teknik transaksi Gadaian Syariah dibandingkan dengan Gadaian konvensional, yaitu

1. Di Gadaian konvensional, tambahan yang harus dibayar oleh pelanggan yang disebut sebagai sewa modal, dihitung dari nilai pinjaman.
2. Gadaian konvensional hanya melakukan satu akad perjanjian : hutang piutang dengan jaminan barang bergerak yang jika ditinjau dari aspek hukum konvensional, kewujudan barang jaminan dalam gadai bersifat pelengkap, sehingga Gadaian konvensional bisa tidak melakukan penahanan barang jaminan

⁷⁴ Ari Agung Nugraha, Manager Pegadaian Syariah Cawangan Wilayah batam. Temubual pada 15 Agustus 2007

atau dengan kata lain melakukan amalan fidusia (mengamanahkan wewenang pengolahan uang dari pemilik uang kepada pihak yg diamanahkan). Berbeza dengan Gadaian Syariah yang mensyaratkan secara mutlak keberadaan barang jaminan untuk membenarkan penarikan bea jasa simpan.

Gadaian Syariah tidak menekankan pada pemberian bunga dari barang yang digadaikan. Meski tanpa bunga, Gadaian Syariah tetap memperoleh keuntungan seperti yang sudah diatur oleh Dewan Syariah Nasional, yaitu adanya kos pemeliharaan dari barang yang digadaikan. Kos itu dihitung dari nilai barang, bukan dari jumlah pinjaman. Sedangkan pada Gadaian konvensional, kos yang harus dibayar sejumlah dari yang dipinjamkan⁷⁵.

3.1.7 Perbandingan Perhitungan Gadai Syariah dengan Gadai Konvensional

Jadual 3.1

Gadaian Syariah (Gadai Rahn)	Gadaian Konvensional (Gadai Emas)
Taksiran Marhun = Rp. 924.075	Taksiran Barang = Rp. 924.075
Wang Pinjaman yang diterima = 90% x Rp. 924.075 = Rp. 832.000	Wang Pinjaman yang diterima = 90% x Rp. 924.075 = Rp. 832.000
Biaya ADM Gol C = Rp. 8.000	Biaya ADM Gol C (1% x UP) = Rp. 8.500
Ijarah per 10 hari x 3 (30 hari/1 bulan) = Rp. 22.200	Tarif sewa modal (bunga, 1.3% per 15 hari x 2 = 2,6%/bulan) = Rp. 22.000
Total Rp. 862.200	Total Rp. 862.500

Sumber: Pamflet Pegadaian Syariah Batam (2007)

⁷⁵ Ari Agung Nugraha, Manager Pegadaian Syariah Cawangan Wilayah batam. Temubual pada 15 Agustus 2007

3.1.8 Gadaian Syariah Batam

Terbitnya PP/10 tanggal 1 April 1990 adalah menjadi asas awal kebangkitan Gadaian. Di bawah kepemimpinan Syamsir Kadir, Gadaian melakukan upaya pembedahan pengurusan yang cukup drastik, perubahan nama baik syarikat sehingga budaya dan pengubahan sumber daya manusia. PP10 menegaskan misi yang harus dibawa oleh Gadaian untuk mencegah amalan riba, misi ini tidak berubah sehingga keluar PP103/2000 yang dijadikan sebagai asas aktiviti usaha Perum Gadaian sampai sekarang. Banyak pihak berpendapat bahwa operasional Gadaian sebelum Fatwa MUI tanggal 16 Desember 2003 tentang Bunga Bank, telah sesuai dengan konsep Syariah, meskipun didapati bahawa terdapat beberapa hal yang menafikan anggapan itu. Atas karunia Allah dan setelah melalui kajian panjang, disusun suatu konsep pendirian unit Layanan Gadai Syariah sebagai langkah awal pembentukan bahagian khas yang menguruskan kegiatan usaha Syariah. Konsep operasi Gadaian Syariah mengukut sistem administrasi moden yaitu azas rasionaliti, efektif dan efisien yang diselaraskan dengan nilai Islam. Fungsi operasi Gadaian Syariah dijalankan oleh Pejabat-Pejabat Cawangan Gadaian Syariah/Unit Layanan Gadai Syariah (ULGS) sebagai satu unit organisasi di bawah binaan bahagian Usaha Lain PERUM Gadaian. ULGS merupakan unit bisnis mandiri yang secara pengurusan berasingan pengelolaannya dari usaha gadai konvensional.

